

**PENERAPAN BAHASA HALUS DALAM FILEM MELAYU
KLASIK TERPILIH TAHUN 60-AN : LAMBANG KESANTUNAN
MASYARAKAT MELAYU**

NOR IZZAH BINTI A. WAHAB

C19A0411

UNIVERSITI

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

MALAYSIA

2023

KELANTAN



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Penerapan Bahasa Halus Dalam Filem-Filem Melayu Klasik
Terpilih Tahun 60-AN : Lambang Kesantunan Masyarakat Melayu

Nor Izzah Binti A.Wahab

C19A0411

Tesis ini dikemukakan bagi memenuhi sebahagian daripada syarat
memperolehi Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan dengan
Kepujian

Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2023

PENGESAHAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau Institusi.

- TERBUKA Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)
- SEKATAN Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah
- Dari tarikh _____ sehingga _____
- SULIT (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)
- TERHAD (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

TANDATANGAN

TANDATANGAN PENYELIA

Nor Izzah binti A. Wahab

C19A0411

Tarikh : 16 FEBRUARI 2023

DR. NORDIANA BINTI AB JABAR
Jabatan Pengajian Warisan
Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan
Universiti Malaysia Kelantan.
nordiana.aj@umk.edu.my
0173907819

Dr Nordiana binti Ab Jabar

Tarikh : 22 FEBRUARI 2023

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim..

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Pertama sekali, bersyukur ke hadrat Illahi kerana dengan limpah dan kurniaNya, saya berjaya menyiapkan projek penyelidikan ini dengan sempurna. Pada kesempatan ini saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan juga ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung di sepanjang proses menyempurnakan penyelidikan ini. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pensyarah saya iaitu Dr Nordiana binti Ab Jabar yang telah banyak memberi tunjuk ajar serta bimbingan kepada saya sepanjang melaksanakan penyelidikan ini. Semoga segala jasa baik yang telah dicurahkan tersebut dibalas dengan ganjaran yang tertinggi serta memperoleh petunjuk dan hidayah daripada Allah SWT.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga terutama kepada kedua ibu bapa saya dan juga ahli keluarga saya yang telah banyak memberi sokongan kepada saya sewaktu melaksanakan penyelidikan ini. Seterusnya, saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada rakan-rakan yang telah banyak membantu dari segi masa dan juga tenaga dalam menyempurnakan kajian ini. Setiap jasa serta pengorbanan yang telah diberikan oleh mereka amatlah saya hargai.

Akhir kalam, saya berharap kajian yang dijalankan ini dapat memberikan manfaat serta pendedahan kepada masyarakat. Segala kelemahan dalam penyelidikan ini datang daripada kekurangan diri saya sendiri dan segala sifat yang baik datang daripada keizinan Allah SWT.

Sekian, Terima Kasih.

KANDUNGAN

	HALAMAN
PENGESAHAN TESIS	i
PENGHARGAAN	ii
ISI KANDUNGAN	iii
SENARAI JADUAL	vi
ABSTRAK	vii
ABTRACT	viii
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.0 Pengenalan	1
1.1 Latar Belakang Kajian	5
1.2 Permasala han Kajian	8
1.3 Persoalan Kajian	10
1.4 Objektif Kajian	10
1.5 Kepentingan Kajian	11
1.5.1 Individu	11
1.5.2 Masyarakat	12
1.5.3 Negara	13
1.6 Definisi Konsep	14
1.6.1 Filem Melayu Klasik	14
1.6.2 Keindahan	16
1.6.3 Bahasa Halus	17
1.6.4 Kesantunan Bahasa	18
1.7 Batasan Kajian	19
1.8 Kesimpulan	21

BAB 2	TINJAUAN KAJIAN LEPAS	
2.1	Pengenalan	22
2.2	Pengkajian Tentang Bahasa Halus	24
2.3	Pengkajian Tentang Filem Melayu Klasik	32
2.4	Pengkajian Tentang Kesantunan Masyarakat	37
2.5	Pengkajian Tentang Teori Puitika Sastera Melayu	41
2.6	Kesimpulan	46
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	
3.1	Pengenalan	47
3.2	Reka Bentuk Kajian	49
3.2.1	Reka Bentuk Kajian Kualitatif	49
3.2.1.1	kaedah Analisis Teks	50
3.2.1.2	Kaedah Pengumpulan Data	50
3.2.1.3	Kaedah Kepustakaan	51
3.2.1.4	Kaedah Internet	51
3.3	Penerapan Teori	52
3.3.1	Teori Puitika Sastera Melayu	52
3.3.2	Aspek Utama Teori Puitika Sastera Melayu	53
3.4	Kesimpulan	54

BAB 4	DAPATAN KAJIAN	
4.1	Pengenalan	55
4.2	Penggunaan Bahasa halus dalam filem melayu klasik terpilih tahun 60-an menerusi aspek genre	57
4.2.1	Genre Komedi	60
4.2.2	Genre Drama	69
4.2.3	Genre Muzikal	77
4.3	Pembentukan Kesantunan Masyarakat Melayu	
4.3.1	Pemikiran Masyarakat	84
4.3.1	Tingkah Laku	88
4.3.3	Interaksi Masyarakat	92
4.3.3.1	Sosial	93
4.3.3.2	Ekonomi	98
4.4	Kesimpulan	98
BAB 5	PENUTUP	
5.1	Pengenalan	99
5.2	Perbincangan	100
5.3	Cadangan	103
5.4	Kesimpulan	106
RUJUKAN		107

SENARAI JADUAL

Jadual 1 : senarai nama filem Melayu klasik terpilih mengikut genre.

Jadual 2 : Senarai penggunaan bahasa halus mengikut filem Melayu klasik terpilih.



Penerapan Bahasa Halus Dalam Filem Melayu Klasik Terpilih Tahun 60-An : Lambang
Kesantunan Masyarakat Melayu

ABSTRAK

Filem merupakan salah sebuah penghasilan karya sastera yang menggarapkan kepelbagaian keindahan seni yang memaparkan sesebuah jalan cerita serta menjadi cerminan kepada sesebuah kebudayaan bagi masyarakat tertentu. Ia juga secara tidak langsung menjadi salah satu medium dalam mencetuskan pelbagai pemikiran serta perasaan dalam sesebuah pembikinannya. Kajian ini dijalankan kerana pengkaji telah mendapati terdapat unsur-unsur keindahan serta keistimewaan tersendiri terutama dari sudut bahasa yang digarapkan dalam pembikinan dialog bagi sesebuah filem terutama filem Melayu klasik yang secara tidak langsung dilihat mampu memberi impak positif serta mampu dijadikan tauladan dalam pembentukan sifat kesantunan kepada masyarakat kini. Seterusnya, objektif utama kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti, menganalisis, serta menghurai dengan lebih lanjut akan garapan bahasa halus dalam dialog-dialog menerusi filem-filem Melayu klasik terpilih tahun 60-an dalam membentuk kesantunan masyarakat khususnya masyarakat Melayu. Di samping itu, kajian ini juga turut mengaplikasikan beberapa aspek penting menerusi Teori Puitika Sastera Melayu iaitu dari aspek takrif dan istilah, genre, serta perkataan-perkataan yang indah. Seterusnya, pengkaji telah membataskan kepada lima buah filem Melayu klasik sahaja yang dipilih menerusi kajian yang dijalankan ini. Kajian ini dijalankan kerana pengkaji mendapati kurangnya kajian yang telah dijalankan mengenai penggunaan bahasa terutama bahasa halus terhadap penghasilan karya filem-filem Melayu klasik. Pengaplikasian beberapa aspek yang terkandung melalui Teori Puitika Sastera Melayu yang mula diasaskan oleh Muhammad Haji Salleh pada tahun 1989 telah dipilih sebagai gagasan utama bagi menyempurnakan analisis kajian ini. Tambahan pula, kajian ini telah menerapkan reka bentuk kajian kualitatif dengan menggunakan kaedah pengumpulan data serta menganalisis teks transkrip filem-filem Melayu klasik terpilih sebagai kerangka panduan dalam menyempurnakan analisis kajian. Keseluruhan dapatan kajian telah menunjukkan bahawa melalui pembikinan skrip dialog-dialog yang dimainkan dalam penghasilan filem-filem Melayu klasik terutamanya sarat dengan penggunaan bahasa halus yang sedikit sebanyak mampu memberi pengajaran serta makna-makna tersirat yang dilihat mampu mencipta sebuah pembentukan kesantunan kepada khalayak masyarakat khususnya masyarakat Melayu.

Kata kunci : Bahasa Halus, Filem Melayu Klasik, Kesantunan masyarakat, Teori Puitika Sastera Melayu.

The Application of Fine Language in Selected Classic Malay Films Of the 60s : Symbols Of
malay's Politeness

ABSTRACT

Film is one of the productions of literary that work on the diversity of artistic beauty that displays a story line and it has been a reflection of a culture for a certain society. It is also indirectly be one of the mediums to trigger the various thoughts also feeling to people. This analysis was conducted because the researcher has found that there are the elements of beauty and special features, especially from a classic Malay film which is indirectly shows the positive impact and it is also can be used as an example to the community the formation of the politeness. Next, the main objective of this study are to identify, analyze, and also to elaborate further on the use of subtle fine language in the dialogues through the selected classic Malay films in guiding Malay community towards being polite. In addition, this analysis also applies several important aspect through the Poetic Theory of Malay Literature such as from the aspects of definitions and terms, genres, and also a beautiful words. Next, the researcher also has limited to only five classic Malay films. This study was conducted because of the researcher found that there is a lack of research about the use of language especially the research about fine language in the production of several classic Malay films. The application of several aspects contained through the Poetic Theori of Malay Language which was founded by Muhammad Haji Salleh in 1989 has been chosen as the main idea to complete the analysis of this study. Furthermore, this study has applied a qualitative research design by using data collection methods and analyzing the transcripts of selected classic Malay films as a guideline in completing the study analysis. Finally, the overall finding of this study have shown that through the scripting of the dialogues that are played in the production of classic Malay films, especially laden with the use of fine language that to some extent is able to teach people as well as the implied meanings that are seen to be able to create a formation of politeness to the public, especially the Malay community.

Keyword : Fine language, Classic Malay films, Society Politeness, Poetic Theory of Malay Language.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 PENGENALAN

Pada umumnya mengenali filem merupakan salah satu wahana penting yang cukup terkenal dalam menyampaikan sesuatu cerita pelbagai genre, menerapkan kepelbagaian plot menarik, serta mengandungi seribu satu pengajaran yang dapat diambil. Filem atau juga lebih dikenali sebagai wayang gambar merupakan suatu bentuk karya seni tampak yang menyajikan sebuah wayang bagi mempersembahkan atau menyampaikan sesebuah kisah yang membangkitkan beberapa pandangan, perasaan, serta suasana yang terdiri daripada turutan visual gambar yang bergerak diiringi dengan alunan bunyi termasuk dialog, serta muzik. Kemudian, ianya dirakam menggunakan beberapa alatan seperti kamera dan diolah mengikut kesesuaian beberapa kepentingan serta matlamat tersendiri bagi tujuan supaya ianya dapat dipamerkan dan ditayangkan kepada khalayak di panggung wayang atau di kaca televisyen. Menurut Hatta Azad seorang pensyarah serta pengarah tersohor tempatan (2002) berpendapat bahawa dialog yang dimainkan di dalam filem-filem menggunakan bahasa sebagai salah sebuah bentuk penyampaian sesuatu pesanan atau nasihat tertentu.

Kebiasaannya, cerita-cerita yang disajikan melalui medium perfileman ini terdiri daripada cerminan kehidupan budaya masyarakat. Ia juga termasuklah beberapa cetusan pemikiran, perasaan yang ingin disampaikan, serta alur sesebuah cerita yang tidak hanya terbatas tentang kisah realiti kehidupan manusia sahaja malah turut digarapkan cerita berdasarkan kisah khayalan, kisah yang telah diubah suai, atau kisah yang dipadankan secara harmoni menjadi sebuah plot penceritaan yang dapat menghasilkan sebuah karya yang mudah difahami oleh khalayak. Tidak hanya itu, filem juga mempunyai suatu matlamat atau menjadi salah satu medium karya sastera yang terpenting di dalam mendidik serta memberi tauladan dan pengajaran yang baik buat para penonton dan khalayak yang menontonnya.

Secara asasnya, di dalam menghasilkan sesebuah filem terutama filem melayu klasik ke arah suatu hasil karya agung serta dapat memberi kesan kepada penonton semestinya menerapkan penggunaan dialog yang menggarapkan bahasa-bahasa yang penuh santun serta mudah untuk difahami. Ianya supaya khalayak turut dapat merasai jiwa serta mesej yang ingin disampaikan di dalam filem melayu klasik yang ditayangkan. Bahasa halus merupakan suatu bahasa yang mempunyai penggunaan perkataan-perkataan yang sopan, penuh dengan budi bahasa yang tinggi, serta tidak didengar kasar atau perkataan yang tidak menyentuh perasaan individu lain yang mendengarnya.

Bahasa halus ataupun dikenali juga sebagai eufemisme merupakan sejenis penggunaan bahasa yang menggunakan ungkapan atau perkataan-perkataan yang lebih sopan, baik, serta bagi menggantikan ungkapan-ungkapan yang kedengaran kasar yang dapat menyebabkan pendengar atau pembaca berasa tersinggung atau merasa tidak selesa. Menurut Zainal Abidin Ahmad atau lebih dikenali sebagai Za'ba (1965), salah seorang sasterawan bahasa Melayu tersohor beliau berpendapat bahawa bahasa halus turut dapat dikaitkan

dengan bahasa kiasan serta sebagai pemanis bagi setiap perbualan. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, bahasa halus dapat didefinisikan sebagai satu perkataan atau bahasa yang lebih lembut yang digunakan atau diterapkan di dalam setiap perbualan bagi menggantikan perkataan yang kedengaran lebih kasar serta kesat. Manakala, menurut Asmah Haji Omar (2004), beliau berpandangan bahawa bahasa halus merupakan satu bahasa yang dituturkan dengan penuh sopan dan adab tertib walau dalam apa jua jenis keadaan. Asmah Haji Omar (2008) juga berpendapat bahawa bahasa halus ini dapat ditarifkan sebagai salah satu jenis bahasa kiasan yang terkandung makna-makna yang dapat memberi kesan yang baik.

Umum mengetahui penggunaan bahasa halus ini kerap kali diterapkan di dalam dialog filem-filem Melayu klasik terdahulu. Hal ini demikian kerana, ketelitian penggunaan bahasa-bahasa halus ini bagi membuka minda serta menyedarkan masyarakat tanpa perlu berasa kecil hati, menaruh dendam, atau marah pada masa yang sama mesej-mesej yang diterapkan sampai kepada khalayak penonton. Penggunaan serta penerapan bahasa halus di dalam dialog filem terdahulu juga bagi menunjukkan betapa masyarakat terdahulu mempunyai pertuturan penuh beradab sopan serta berbudaya tinggi. Malah, ia juga sekaligus dapat mencerminkan kesopanan masyarakat di dalam menjalani kehidupan terutama di dalam menutur sesuatu kata.

Menerusi kajian ini beberapa filem-filem Melayu klasik yang telah diarahkan serta ditayangkan pada tahun 1960-an telah dipilih bagi merealisasikan kajian ini. antara filem-filem Melayu klasik yang telah dipilih tersebut termasuklah filem Melayu klasik berjudul Antara Dua Darjat. Filem Melayu klasik ini telah mula ditayangkan pada 28 Mei 1960 yang diarahkan sendiri oleh seniman negara tersohor iaitu Allahyarham P.Ramlee dan diterbitkan oleh Studio Jalan Ampas di Singapura. Selain itu, filem Melayu klasik berjudul Ali Baba

Bujang lapok juga dipilih di dalam kajian ini. filem ini mula diarahkan dan ditayangkan oleh pengarah P.Ramlee pada 31 Januari 1960 serta mula diterbitkan dalam bentuk filem hitam putih tanpa warna di Singapura. Seterusnya, filem Melayu klasik yang dipilih ialah filem Sri Mersing yang mula diterbitkan pada tahun 1961 di Singapura dan diarahkan oleh pengarah Salleh Ghani. Filem Melayu klasik berjudul Seniman Bujang Lapok juga turut dipilih menerusi kajian ini. Filem ini telah diarahkan oleh Mustafa Yassin dan mula ditayangkan pada tahun 1961. Filem Melayu klasik yang terakhir digunakan di dalam penyelidikan ini adalah berjudul Ibu mertuaku yang diarahkan oleh seniman P.Ramlee sendiri serta mula diterbitkan pada tahun 1962 oleh *Malay Film productions*.

Pada hakikatnya, setiap filem-filem Melayu klasik yang pernah ditayangkan di kaca televisyen menerapkan penggunaan bahasa-bahasa halus, sopan, serta penuh santun di dalam setiap dialog-dialog yang dimainkan. Ia bukan sahaja bagi menonjolkan keindahan sesuatu penstrukturan gaya bahasa, malah ia juga bagi menarik perhatian serta membuatkan para penonton lebih menelusuri makna yang ingin disampaikan di dalam setiap bait-bait dialog yang dituturkan. Disebabkan oleh hal yang demikian, kajian ini telah menggunakan sebuah teori iaitu teori puitika sastera Melayu yang mula diperkenalkan oleh Muhammad Haji Salleh. Melalui kajian ini, hanya menggunakan beberapa aspek utama sahaja yang mempunyai kaitan dengan penggunaan bahasa iaitu ia termasuklah aspek takrif dan istilah, genre, serta perkataan-perkataan yang indah.

Oleh yang demikian, secara keseluruhannya kajian yang dijalankan ini akan mengumpulkan serta merumuskan keindahan dan kesantunan bahasa yang dilakar serta digarapkan di dalam filem-filem Melayu klasik tahun 60-an terpilih dalam membentuk kesopanan masyarakat Melayu pada masa kini.

1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Kajian yang dijalankan ini meneliti dengan lebih mendalam serta berfokuskan kepada penggunaan dan juga penerapan dari sudut gaya bahasa dan keindahan bahasa halus yang digunakan di setiap dialog-dialog yang dimainkan di dalam filem-filem Melayu klasik terpilih yang telah ditayangkan pada sekitar tahun 1960-an. Menerusi kajian ini akan membawa terlebih dahulu kepada penelitian terhadap filem-filem Melayu klasik yang telah diarahkan serta ditayangkan pada era tahun 1960-an. Umum mengetahui kebanyakan filem-filem Melayu klasik yang telah ditayangkan di kaca televisyen semestinya mempunyai serta menggarapkan beberapa tema serta plot penceritaan yang seakan sama. Contoh yang dapat dilihat adalah seperti filem Melayu klasik yang bertemakan istana, terdapat beberapa watak-watak yang dimainkan sesuai dengan tema yang diterapkan seperti contoh watak-watak diraja, sultan, para bangsawan, puteri diraja, dan sebagainya. Perkara ini dapat dilihat di dalam filem Melayu klasik yang telah dipilih antaranya seperti filem Sri Mersing. Selain itu, terdapat juga beberapa garapan tema lain yang telah diangkat oleh pengarah seperti tema realism kehidupan masyarakat. Hal ini dapat dilihat menerusi beberapa buah filem-filem Melayu klasik terpilih seperti filem Melayu klasik yang telah diarahkan oleh seniman tersohor P.Ramlee berjudul Seniman Bujang Lapok, Ibu Mertua-ku, Antara Dua Darjat, serta sebuah filem arahan Salleh Ghani yang berjudul Sri Mersing. Menerusi penggunaan tema-tema yang berlainan ini sudah semestinya dapat dilihat beberapa perbezaan serta penerapan keindahan bahasa yang digunakan di setiap dialog yang dimainkan. Namun, di dalam konteks kajian ini, pengkaji bukan ingin berfokus terhadap penggunaan tema serta plot penceritaan yang dibawa oleh setiap filem-filem Melayu klasik tersebut. Bahkan menerusi kajian yang

dikaji ini, pengkaji ingin membongkar serta menyelidik dengan lebih mendalam mengenai penerapan serta penggunaan keindahan bahasa halus yang telah diangkat oleh pengarah-pengarah tersohor di dalam dialog-dialog yang dimainkan melalui filem-filem Melayu klasik terkenal tersebut.

Berdasarkan kepada beberapa buah karya filem-filem Melayu klasik yang telah dipilih serta digunakan di dalam kajian ini, dapat dilihat bahawa pengarah-pengarah tersohor pada suatu ketika dahulu tidak gagal dalam menghasilkan beberapa buah karya filem yang menarik serta ia juga sedikit sebanyak memberi kesan mendalam terhadap industri seni kreatif. Hal ini demikian kerana dapat dibuktikan daripada penggunaan bahasa yang dimainkan di dalam setiap dialog-dialog yang dituturkan mempunyai suatu keindahan serta kesopanan yang tersusun sekaligus mempunyai pelbagai makna yang tersirat dan juga tersurat di dalam isi dialog tersebut. Penggunaan bahasa-bahasa halus atau bahasa yang kedengaran lebih sopan ini secara tidak langsung menggambarkan identiti masyarakat tempatan terutama masyarakat Melayu pada suatu ketika dahulu yang mengamalkan penggunaan bahasa halus di dalam setiap butir tutur kata seharian. Oleh hal yang demikian, adalah lebih menarik sekiranya pengkaji menyelidik dengan lebih mendalam suatu keindahan penggunaan bahasa halus yang diterapkan di setiap dialog yang dimainkan di dalam beberapa buah karya filem Melayu klasik agung yang telah diarahkan oleh para pengarah terhebat ketika dahulu.

Menerusi kajian yang dijalankan ini lebih berfokuskan dengan melihat dari segi keindahan penerapan bahasa halus yang digunakan di dalam dialog-dialog filem Melayu klasik tahun 1960-an melalui teori puitika sastera Melayu yang mula diasaskan oleh Muhammad Haji Salleh. Teori puitika sastera Melayu ini mula diperkenalkan pada tahun 1989 yang menekankan konsep-konsep keindahan yang terdapat di dalam setiap karya-karya sastera Melayu. Melalui teori puitika sastera Melayu ini, Muhammad Haji Salleh ada menekankan beberapa ciri serta unsur-unsur keindahan antaranya keindahan memegang erat kepada konsep sastera menceritakan mengenai sebuah kehidupan, membimbing, serta mengajar masyarakat dalam sesebuah kehidupan tersebut. Selain itu, Keindahan juga merupakan satu sifat yang asli, lahir dari masyarakat terdahulu. Konsep unsur keindahan itu sendiri lahirnya dari sebuah keaslian masa silam di mana ia bermulanya titik leluhur kepada sebuah kebijaksanaan masyarakat terdahulu. Seterusnya, unsur keindahan dari sifat sesebuah lakonan. Setiap adegan-adegan mahupun watak yang dimainkan semestinya dilakonan serta dibawa bagi memperlihatkan unsur-unsur keindahan dan juga dramatikanya sesebuah lakonan tersebut bagi menyampaikan mesej-mesej kepada khalayak. Teori puitika sastera Melayu ini diasaskan berdasarkan kepada lapan aspek utama. Namun, melalui kajian ini hanya tiga aspek sahaja difokuskan sesuai dengan tajuk kajian yang ingin dikaji. Antara tiga aspek utama tersebut termasuklah dari segi takrif dan istilah, genre, serta perkataan yang indah-indah. Oleh itu, secara keseluruhannya kajian ini ingin mengkaji serta menggali dengan lebih mendalam mengenai keindahan yang terdapat di dalam bahasa halus yang diterapkan di dalam pembawaan dialog-dialog yang dimainkan di dalam filem-filem Melayu klasik terpilih pada tahun 1960-an serta sejauhmana keindahan bahasa halus ini dalam membentuk budaya serta kesopanan dan kesantunan dalam diri masyarakat dalam menjalani sebuah kehidupan bersosial.

1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Permasalahan yang terdapat di dalam kajian ini adalah mnyentuh berkenaan kurangnya kajian terhadap penyelidikan berkaitan filem-filem Melayu klasik ini terutama dalam menganalisis berkenaan penerapan keindahan bahasa halus atau penggunaan gaya bahasa yang terdapat di dalam dialog-dialog yang dimainkan. Kebanyakan dari penyelidikan kajian yang telah dijalankan oleh para pengkaji mengetengahkan berkaitan ujaran makna tersirat dan juga tersurat disebalik sesebuah penceritaan filem-filem Melayu klasik sahaja. Oleh itu, melalui kajian ini ingin mendalami serta membahaskan mengenai keindahan penggunaan bahasa halus yang terkandung di dalam beberapa buah filem Melayu klasik khususnya filem-filem Melayu klasik terpilih tahun 60-an.

Selain itu, kajian ini juga mendapati permasalahan yang berlaku di kalangan masyarakat kini yang kurang meminati serta menonton filem-filem melayu klasik. Umum mengetahui filem Melayu klasik merupakan salah sebuah hiburan yang penuh makna serta pengajaran yang dapat dijadikan sebagai tauladan dalam menjalani kehidupan seharian. Namun, masyarakat pada zaman kini terutama dalam kalangan anak-anak muda semakin kurang meminati filem-filem Melayu klasik ini. Berdasarkan pendapat yang diutarakan oleh Mohd Ariff (2015) penghasilan karya-karya filem kini yang semakin banyak menerapkan unsur-unsur budaya daripada luar kebanyakannya tidak bersesuaian serta bersimpang dengan budaya-budaya yang diamalkan oleh negara tempatan ini. Selain itu, ia juga berkemungkinan atas beberapa faktor salah satunya penggunaan bahasa yang sedikit tinggi dan sukar untuk difahami maksud yang ingin disampaikan. Selain itu, faktor kemunculan filem-filem moden yang menggarapkan idea jalan cerita serta penggunaan kepelbagaian

teknik dari segi teknik penyuntingan dan kesan bagi sesebuah cerita yang menjadikan filem moden ini lebih menarik untuk ditonton berbanding filem Melayu klasik.

Seterusnya, permasalahan yang didapati berkenaan masyarakat kini juga kurang mengamalkan penggunaan bahasa-bahasa halus atau bahasa yang lebih sopan didengar di dalam setiap tutur bicara seharian. kajian ini membahaskan berkaitan sikap sopan santun serta budaya masyarakat terdahulu yang sentiasa menerapkan penggunaan bahasa yang sopan serta penuh kiasan berbanding masyarakat pada zaman kini yang kian rosak akhlak serta ketandusan adab sopan dalam diri mereka. Ia disebabkan oleh kehadiran pelbagai jenis media hiburan yang dipengaruhi oleh barat menyebabkan tularnya penggunaan bahasa rojak serta ketandusan nilai keindahan bahasa halus atau bahasa sopan ini. seperti yang dapat dilihat di setiap cawangan media-media sosial pada masa kini, didapati penggunaan bahasa-bahasa yang diterapkan juga kedengaran agak kasar serta kurangnya pengamalan bahasa halus di dalam kehidupan individu masyarakat terutama di kalangan anak-anak muda.

1.3 PERSOALAN KAJIAN

Terdapat beberapa persoalan kajian yang telah dibawa bagi menentukan objektif kajian yang dijalankan :

- 1.3.1 Apakah penggunaan bahasa halus yang terkandung di dalam filem Melayu klasik terpilih tahun 60-an mengikut genre?
- 1.3.2 Sejauh manakah penggunaan bahasa halus dalam membentuk kesantunan masyarakat Melayu mengikut Teori Puitika Sastera Melayu?

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Secara keseluruhannya, kajian yang dijalankan ini bertujuan untuk :

- 1.4.1 Mengenal pasti penggunaan bahasa halus yang terdapat di dalam filem Melayu klasik terpilih tahun 60-an mengikut genre.
- 1.4.2 Menganalisis penggunaan bahasa halus dalam membentuk kesantunan masyarakat Melayu menggunakan Teori Puitika Sastera Melayu.

1.5 KEPENTINGAN KAJIAN

Hasil daripada kajian penyelidikan yang dijalankan ini akan menjelaskan serta membahaskan sejauhmana penerapan bahasa halus yang diterapkan di dalam dialog-dialog yang dimainkan melalui filem-filem Melayu klasik tahun 60-an terpilih mampu berperanan dalam membentuk kesantunan serta kesopanan masyarakat Melayu. Hasil daripada kajian ini bertujuan untuk memberi pencerahan, mendidik, serta menjadi bahan buah fikiran kepada individu, masyarakat, dan negara.

1.5.1 Individu

Hasil daripada kajian yang dijalankan ini sedikit sebanyak dapat menambahkan ilmu pengetahuan kepada seseorang individu tersebut terutama dalam hal berkaitan penelitian serta pengetahuan tentang filem-filem Melayu klasik. Kajian ini juga dapat membawa seseorang bagi memahami serta mendalami makna tersirat dan juga tersurat di sebalik penggunaan keindahan bahasa-bahasa halus yang disampaikan di setiap filem-filem Melayu klasik yang telah dipilih. Hal ini demikian kerana, melalui kajian ini seseorang individu dapat mempelajari tentang indahnya penerapan bahasa halus sekaligus dapat mengamalkannya dalam kehidupan seharian.

1.5.2 Masyarakat

Hasil daripada kajian ini seterusnya amat penting serta berperanan kepada masyarakat. Hal ini demikian kerana menerusi kajian yang dijalankan ini, pengkaji menggariskan kepentingan kepada masyarakat melalui penghayatan serta pengajaran yang dapat diambil di dalam hasil kajian ini. penghayatan dan pengajaran yang dimaksudkan disini adalah dari segi penghayatan terhadap penerapan keindahan bahasa halus itu sendiri di dalam membentuk adab santun serta mendidik masyarakat untuk hidup dalam kehidupan yang penuh sopan. Keindahan penggunaan bahasa halus di dalam filem-filem Melayu klasik terpilih tersebut sedikit sebanyak mendidik masyarakat untuk menanam sifat mempraktikkan penggunaan bahasa yang lebih sopan ketika menutur bicara antara sesama individu manusia. Ia juga sekaligus dapat memberi panduan kepada masyarakat untuk menghayati setiap keindahan penggunaan bahasa halus dalam kehidupan seharian terutama dalam kehidupan penuh sosial kini.

1.5.3 Negara

Seterusnya, penelitian kajian ini juga menjadi sebuah kepentingan kepada negara terutamanya dalam membentuk sesebuah komuniti untuk hidup dalam kehidupan berbudaya penuh santun serta beradab sopan. Hal ini demikian kerana, pada masa kini disebabkan oleh kemasukan pelbagai budaya-budaya luar menyebabkan penduduk komuniti mudah dihasuti serta terikut dengan budaya-budaya dari luar sehingga melupakan budaya sopan yang diajar oleh nenek moyang terdahulu. Oleh hal yang demikian, kajian ini sedikit sebanyak dapat dijadikan sebagai salah satu bahan rujukan tambahan kepada tenaga pengajar terutama di peringkat sekolah menengah.

1.6 DEFINISI KONSEP

Kajian penelitian ini akan mengguna serta menganalisis beberapa istilah atau konsep tertentu yang mempunyai kaitan dengan tajuk yang akan dijalankan. Istilah atau definisi bagi sesuatu konsep tersebut perlu diterangkan serta dijelaskan terlebih dahulu agar dapat memberi gambaran jelas mengenai sesuatu pendefinisian khusus yang digunakan di dalam konteks kajian yang dijalankan ini. pengkaji akan menjelaskan dengan lebih lanjut definisi bagi setiap kata kunci kajian. Antara perkataan yang menjadi kata kunci utama di dalam kajian ini termasuklah filem Melayu klasik, keindahan, bahasa halus, serta kesantunan budaya.

1.6.1 Filem Melayu klasik

Filem Melayu klasik merupakan salah satu dari khazanah filem tempatan yang menerapkan pelbagai elemen serta konsep kebudayaan serta penggunaan bahasa-bahasa yang tinggi serta indah. Ia juga merupakan salah sebuah medium hiburan yang membangkitkan beberapa isi tersirat dan juga tersurat sekaligus banyak pengajaran yang dapat diambil melalui filem Melayu klasik ini. Filem dihasilkan bagi memaparkan kisah hidup serta cerminan budaya masyarakat tertentu. Berdasarkan Kamus Dewan Edisi Keempat, filem didefinisikan sebagai sebuah medium hiburan yang membawa kisah-kisah sebenar mengenai sesuatu berita atau peristiwa tertentu.

Filem juga dapat diertikan sebagai sebuah pergerakan imej visual yang mengandungi beberapa unsur-unsur penceritaan, dimainkan dalam bentuk dialog, berlatarkan bunyi, seterusnya dirakam dengan menggunakan kamera. Menurut Asiah Sarji, Faridah Ibrahim, dan Mazni Buyung (1996 : 5) berpendapat bahawa filem merupakan sebuah penceritaan yang menggarapkan imej-imej bergerak, serta diolah dengan menerapkan pelbagai kaedah-kaedah teknikal dan sekaligus digunakan menjadi sebuah hasil karya seni yang mempunyai kepentingan serta matlamat tersendiri dalam mempamerkan hasil karya secara tayangan di panggung wayang atau di kaca televisyen.

Selain itu, filem juga merupakan suatu hasil karya seni yang menyembunyikan makna artistik serta keindahan di sebalik mesej yang ingin disampaikan di dalam setiap sesebuah filem yang dihasilkan. Menurut Abu Hasan Hasbullah, 2005 : 30), beliau mengatakan bahawa filem berperanan sebagai sebuah karya seni yang mempunyai hubungan secara langsung dengan bentuk akal rasa serta akal fikiran mengenai konsep keindahan, keseronokan, kesempurnaan, serta kecantikan estetika seperti yang ditugaskan oleh lukisan, muzik, teater, arkitektur, dan sebagainya. Oleh itu, setiap karya-karya filem terutama filem Melayu klasik menyatukan kepelbagaian nilai keindahan estetika bagi menyampaikan ekspresi emosi, buah fikiran, serta mesej di dalam setiap karya yang dihasilkan.

1.6.2 Keindahan

Keindahan atau estetika merupakan suatu nilai hubungan dengan ciri-ciri emosi yang mempunyai kaitan rapat antara sentiment dan juga cita rasa. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, keindahan merupakan suatu perkara yang indah, keelokkan serta kecantikan dan etimologi dikenali sebagai suatu cabang ilmu mengenai ilmu linguistik yang mengkaji tentang asal usul serta perkembangan sesuatu kata. Menurut menurut Alexander Gottlieb Baumgarten (1735), beliau berpendapat bahawa istilah keindahan atau etimologi ini merangkumi pengertian ilmu pengetahuan mengenai sesuatu hal atau perasaan yang dapat dirasai melampaui sesuatu perasaan.

Keindahan atau estetika juga dapat dialunkan serta disentuh melalui fikiran yang rasional terhadap perkara semulajadi yang dapat membentuk apresiasi akal rasa serta akal fikiran yang tinggi sehingga manusia mampu mengubah serta mereka cipta perkara baharu ke dalam bentuk yang sesuai dengan kehendak imaginasi, fikiran, serta perasaan. Menurut Braginsky (1994 : 46) berpendapat bahawa keunggulan sesebuah karya seni tersebut diukur melalui keindahan yang menjadi cerminan yang baik sama ada dalam sistem imej mahupun susunan kata. Malah menurut Muhammad Haji Salleh (2000 : 235) beliau mengatakan bahawa keindahan merupakan suatu unsur yang penting dalam menghasilkan sesebuah karya kesusasteraan sekaligus menjadi tanda ukur bagi hasil karya tersebut.

1.6.3 Bahasa halus

Bahasa halus merupakan suatu sistem bahasa yang lebih beradab, berbudaya tinggi serta bersopan santun. Bahasa halus digunakan bagi mewujudkan kemesraan. Selain itu ia juga digunakan bagi menghormati serta menjaga perasaan orang lain terutama ketika menutur bicara dan berbual. Malah ia juga digunakan bagi mematuhi peraturan adat istiadat. Menurut Asmah Haji Omar (2004 : 02), bahasa halus merupakan suatu jenis bahasa yang digunakan dengan penuh adab tertib serta bersopan santun walau dalam apa jua keadaan. Hal ini demikian sekaligus menunjukkan bahawa bahasa halus sangat meneliti serta menitikberatkan penggunaan kata-kata yang halus dalam menyampaikan sebarang mesej serta meluahkan perasaan.

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, bahasa halus ditakrifkan sebagai sejenis perkataan atau bahasa yang kedengaran lebih lembut bagi menggantikan perkataan yang kedengaran kasar atau perkataan yang dapat menyentuh serta mengguris perasaan individu lain. Menurut seorang lagi tokoh tersohor iaitu Zainal Abidin Ahmad ataupun dikenali sebagai Za'ba (1965), beliau menyebut bahawa bahasa halus merupakan bahasa pemanis di dalam sesebuah bicara atau ayat yang digunakan. Oleh itu, bahasa halus merupakan bahasa yang mempamerkan jati diri serta sifat seseorang yang menguasai sikap hormat terutama ketika menutur bicara, serta penguasaan dari segi berbahasa yang indah dan bersopan.

1.6.4 Kesantunan budaya

Santun merupakan suatu akhlak serta keperibadian yang semestinya tertanam di dalam diri setiap individu manusia. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat santun merujuk kepada kehalusan budi bahasa serta budi pekerti yang beradap sopan. Menurut Lakoff (1975) beliau berpendapat bahawa kesantunan merupakan sebuah perilaku yang dapat mengurangkan pergeseran mahupun pelanggaran di dalam sesuatu interaksi antara individu. Sifat kesantunan tidak dapat lari dari aspek komunikasi berbahasa antara individu. Cara berkomunikasi iaitu penggunaan bahasa dan gaya bahasa di dalam setiap tutur bicara juga mampu mempengaruhi kesantunan budaya seseorang. Manakala menurut Fraser dan Nolan (1981) berpendapat bahawa sesebuah perbualan antara penutur dan pendengar merupakan salah satu usaha bagi mengekalkan sebuah komunikasi yang harmoni tanpa menimbulkan sebarang konflik sesama individu.

Selain itu, menurut Asmah Haji Omar (2000), kesantunan merupakan satu kaedah dan juga strategi yang diaplikasikan bagi seseorang penutur bagi mencapai sesuatu tujuan tertentu. Kaedah yang dimaksudkan termasuk pada tingkah laku serta adab tutur kata penuh santun dan beradab yang perlu dicontohi dan dijadikan sebagai pedoman bagi meneruskan kehidupan dalam sebuah komuniti sosial masyarakat. Oleh hal ini demikian, kesantunan bagi membentuk sebuah komuniti masyarakat yang bertamadun sikap kesantunan itu haruslah diterapkan serta ditanam di dalam diri serta jiwa setiap individu.

1.7 BATASAN KAJIAN


Menerusi penelitian kajian yang dijalankan ini pengkaji membataskan bahan kajian kepada beberapa skop tertentu yang mempunyai kaitan dengan aspek kajian iaitu terhadap filem-filem Melayu klasik terpilih tahun 60-an. Melalui kajian ini, pengkaji telah membataskan kepada lima buah filem Melayu klasik yang mula diarah serta ditayangkan pada era tahun 1960-an. Antara filem-filem Melayu klasik yang digunakan di dalam kajian ini termasuklah filem berjudul Antara Dua Darjat, Ali Baba Bujang Lapok, Sri Mersing, Seniman Bujang Lapok, serta filem Ibu Mertua-Ku. Pengkaji tidak menyentuh kesemua bahagian aspek di dalam filem-filem Melayu klasik tersebut namun pengkaji hanya berfokuskan kepada penggunaan gaya bahasa halus yang diterapkan di dalam dialog-dialog yang dimainkan sahaja. Hal ini demikian kerana, pengkaji hanya ingin menyentuh soal kehalusan serta keindahan penggunaan bahasa halus tersebut di dalam membentuk serta menjadikan sesebuah masyarakat Melayu itu beradab sopan santun.

Seterusnya, melalui kajian ini juga turut membataskan mengenai skop kajian kepada Teori puitika sastera Melayu. Menerusi pengaplikasian teori puitika sastera Melayu yang digunakan di dalam kajian ini, pengkaji hanya berfokuskan kepada tiga aspek utama sahaja yang mempunyai kaitan dengan tajuk yang telah dipilih. Antara tiga aspek utama tersebut termasuklah dari aspek aspek takrif dan istilah, genre, serta perkataan-perkataan yang indah sebagai asas bagi kajian yang dilakukan ini. Kajian ini juga turut merujuk kepada beberapa bahan-bahan rujukan termasuklah bahan kajian-kajian lepas seperti artikel, serta tesis-tesis sebagai rujukan kepada pengkaji bagi tujuan memperoleh idea-idea serta data-data yang berkaitan. Kajian ini juga mengaplikasikan kaedah kualitatif iaitu melalui kajian


pemerhatian. Kajian pemerhatian yang diterapkan adalah dapatan analisis dikaji secara terus dengan melihat serta menonton filem-filem Melayu klasik yang terpilih sebagai subjek utama kajian.



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN

1.8 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, pada bab ini menjelaskan secara umum mengenai beberapa aspek penting yang berkaitan dengan kajian penelitian yang dijalankan ini. Kajian yang dilakukan ini berfokuskan mengenai penerapan bahasa halus serta keindahan penggunaan bahasa halus yang terdapat di dalam dialog-dialog yang dimainkan di dalam filem-filem Melayu klasik terpilih tahun 60-an. Melalui kajian ini juga, pengkaji menganalisis sejauh mana penggunaan bahasa halus ini mampu mempengaruhi serta membentuk adab kesopanan masyarakat terutama masyarakat Melayu dalam menjalani kehidupan bermasyarakat. Kajian ini juga turut memperlihatkan teori puitika sastera Melayu yang mula diperkenalkan oleh Muhammad Haji Salleh dengan berfokuskan kepada tiga aspek utama iaitu aspek takrif dan istilah, genre, serta perkataan-perkataan yang indah.

BAB 2

TINJAUAN KAJIAN LEPAS

2.1 PENGENALAN

Pada bahagian tinjauan kajian lepas ini akan mengutarakan serta menerangkan beberapa kajian-kajian lepas yang mempunyai kaitan dengan tajuk penyelidikan yang telah dipilih. Kajian lepas merupakan kritikan analisis berdasarkan beberapa penelitian yang sedang atau telah dijalankan oleh para penyelidik terhadap topik-topik yang khusus. Tinjauan kajian lepas juga suatu pernyataan yang menjelaskan permasalahan yang diutarakan serta menyokong objektif utama kajian. Ia membantu pengkaji dalam mencari dan mengukuhkan maklumat bagi menganalisis data kajian. Melalui tinjauan kajian lepas ini, terdapat beberapa aspek penting yang diberi perhatian serta dititik beratkan iaitu termasuklah objektif kajian, kaedah kajian, permasalahan kajian, serta teori yang digunakan dalam menganalisis kajian.

Melalui perbincangan bagi permasalahan yang dikemukakan dan diberi perhatian adalah seperti kurangnya penerapan bahasa halus terutama dalam filem-filem Melayu. Setelah membuat tinjauan bagi kajian-kajian yang telah dijalankan oleh para pengkaji lepas, didapati bahawa kebanyakan kajian-kajian yang telah dijalankan adalah menyentuh berkaitan unsur-unsur kesantunan masyarakat dalam berbahasa. Tinjauan kajian lepas yang diteliti ini merujuk kepada beberapa kajian-kajian lepas dari dalam luar negara. Secara keseluruhannya, pada bahagian tinjauan kajian lepas ini membincangkan beberapa sub topik utama antaranya memilih penelitian tentang bahasa halus, filem Melayu klasik, pengkajian tentang kesantunan masyarakat, serta penelitian berkenaan Teori Puitika Sastera Melayu.

2.2 PENGKAJIAN TENTANG BAHASA HALUS

Kajian dari Muhammad Zaid Daud & Mohammad Shahrul Nizam & Remmy Gedat (2018) dalam kajian *Penggunaan Eufemisme dalam Kalangan Penutur Iban*. Objektif utama kajian penelitian ini adalah untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan dan penerapan eufemisme dalam kalangan masyarakat Iban berdasarkan peringkat umur. Terdapat dua pendekatan iaitu pendekatan kualitatif dan juga pendekatan kuantitatif diaplikasikan dalam kajian ini. Kajian penyelidikan ini telah menyoal selidik seramai 105 orang responden serta telah menemu bual dua orang penutur berbahasa Iban yang berumur 50 tahun ke atas di Kampung Lebor, Serian, Sarawak. Kajian ini juga telah mengaplikasikan teori Allan dan Burridge (1991) bagi memantapkan lagi hasil penyelidikan. Oleh yang demikian, hasil dari kajian ini mendapati bahawa terdapat jurang umur dalam penggunaan eufemisme atau bahasa halus ini termasuklah bagi golongan muda, dewasa, serta golongan tua yang didasari oleh beberapa faktor antaranya seperti penghormatan kepada adat dan kepercayaan, menjaga hati dan perasaan, melibatkan kemudaratan seperti makhluk halus dan mistik, perkara aib, dan sebagainya.

Menurut Jamet (2018) meneliti mengenai fungsi neologikal eufemisme berkaitan penyakit dalam dua jenis bahasa iaitu bahasa inggeris dan juga Perancis. Objektif kajian ini adalah berfokuskan pada menilai peranan utama serta fungsi bahasa tabu dengan berpandukan kepada kerangka teori Allan dan Burridge (1991). Kajian ini telah memperoleh data daripada pelbagai sumber iaitu seperti blog, web, kamus, korpus seperti *Corpus of Contemporary American English* dan *Sketch Engine*, dan pertuturan harian. Oleh itu, hasil dapatan melalui kajian penelitian ini menunjukkan bahawa bahasa halus kaya dengan

keunikan serta kelembutan dari segi memberi ujaran tentang perkara-perkara sensitif seperti penyakit. Penggunaan bahasa halus ini juga dapat diganti. Penggantian yang dimaksudkan tersebut menunjukkan penggunaan dan penerapan sesuatu bahasa tersebut bersifat dinamik mengikut situasi semasa.

Seterusnya kajian mengenai bahasa halus dari Hamidah Abdul Wahab & Siti Marina Kamil & Remmy Gedat (2020) yang bertajuk *Bentuk Dan Penggunaan Bahasa Halus Dalam Masyarakat Melayu Dan Iban Di Sarawak*. Kajian yang telah dijalankan ini meneliti aspek kesantunan berbahasa terutama penggunaan bahasa halus dalam kalangan masyarakat Melayu Sarawak dan juga Iban di daerah Kuching serta Samarahan. Objektif utama kajian penelitian ini adalah mengkaji serta menganalisis bentuk-bentuk eufemisme yang digunakan dalam kedua-dua masyarakat Melayu Sarawak dan Iban tersebut. Kajian penelitian ini telah melibatkan seramai 50 orang responden bagi setiap kaum yang terdapat di daerah Kuching dan Samarahan. Beberapa kategori soalan telah diketengahkan antaranya menyentuh berkenaan hal kewanitaan dan kelelakian, penyakit, ketakutan berunsur haiwan dan perkara mistik, perasaan marah, benci, dan sebagainya. Oleh itu, melalui kajian ini didapati bahawa terdapat pelbagai bentuk dan beberapa tahap penggunaan bahasa halus dalam kalangan masyarakat Melayu Sarawak dan Iban, sekaligus memaparkan latar budaya hidup masyarakat yang masih lagi kaya dengan kehalusan berbahasa.

Kajian dari Suzieyana Ritos & Muhammad Zaid Daud (2020) mengenai *Strategi Penggantian Disfemisme Kepada Eufemisme dalam Komunikasi Lisan Masyarakat Bidayah, Bau : Analisis Pragmatik*. Kajian ini berfokuskan kepada penggantian ujaran penggunaan bahasa bersifat disfemisme atau merujuk kepada kekasaran dalam bicara digantikan kepada penggunaan eufemisme yang merujuk kepada pertuturan yang halus. Kajian ini telah

dijalankan pada penduduk masyarakat Bidayuh yang tinggal di Kampung Serasot, Bau, Sarawak. Kajian penelitian ini telah mengaplikasikan kaedah berbentuk kualitatif iaitu pengkaji telah menemu bual dua orang informal yang berasal dari kawasan tersebut. Hasil dapatan dari kajian penelitian ini didapati bahawa terdapat masyarakat Bidayuh yang tinggal di Bau, Sarawak yang masih menerapkan penggunaan kesantunan bahasa yang tinggi dalam komunikasi harian mereka.

Kajian dari Heti Kurniawati (2021) berkaitan Eufemisme yang terdapat dalam *Spiegel Online*. Kajian ini telah menghuraikan bentuk tatabahasa dan latar belakang eufemisme dalam *Spiegel Online*. Kaedah kajian yang diaplikasikan adalah berdasarkan bacaan dari teks berjudul *Spiegel Online* serta catatan. Bentuk tatabahasa yang difokuskan terdiri daripada perkataan, ayat, dan frasa. Manakala, latar belakang eufemisme yang difokuskan antaranya termasuklah untuk mengurangkan pertuturan, mengelakkan penggunaan kata-kata yang boleh menyebabkan panik dan kebimbangan, menghindarkan sebarang tragedi yang menyakitkan, dan pelbagai lagi.

Selain itu, kajian mengenai eufemisme sebagai tindak komunikasi yang beradab dalam bahasa jawa yang telah dijalankan oleh Dwi Sutana (2012). Kajian ini telah memperincikan mengenai ungkapan yang penuh berbudi bahasa serta perilaku berbahasa yang penuh sopan diterapkan di dalam penggunaan bahasa jawa. Kajian ini juga turut mengaplikasikan teori Verhaar iaitu berkait tentang konsep ujaran makna dalam memperhalusi tutur kata agar tidak menyinggung perasaan individu lain.

Seterusnya kajian daripada Limiwirdi (2011) yang telah mengkaji mengenai eufemisme dalam kalangan masyarakat Minangkabau di Kota Kinabalu. Kajian ini telah berfokuskan kepada penggunaan eufemisme atau bahasa halus dalam kalangan penutur Iban. Kajian ini merupakan sebuah penelitian dengan menggabungkan dua pendekatan iaitu pendekatan linguistik dan pendekatan non-linguistik. Melalui kajian yang telah dijalankan ini, data yang banyak diperoleh adalah berkaitan eufemisme dari segi kata dan juga frasa. Perkara ini termasuklah dari aspek benda, binatang, tumbuh-tumbuhan, pekerjaan, penyakit, peristiwa, dan pelbagai lagi. Oleh itu, secara keseluruhannya kajian ini mendapati bahawa berlaku makna eufemisme tidak stabil berikutan terjadinya sifat pengaburan, pembalikan, dan penyimpangan. Selain dari makna eufemisme yang juga terlihat berlakunya perluasan, perkaitan, dan penyempitan.

Terdapat juga kajian mengenai eufemisme dalam kalangan penutur Iban di Kampung Lebor, Serian, Sarawak yang telah dijalankan oleh Muhammad Zaid Daud, Mohammad Shahrul Nizam Abd Wahid & Remmy Gedat (2017). Kajian ini telah meneliti penggunaan serta penerapan eufemisme dalam kalangan masyarakat penutur berbangsa Iban di Kampung Lebor, Serian, Sarawak. Melalui kajian ini telah mengaplikasikan pendekatan teori Allan dan Burridge (1991). Kajian ini telah berfokuskan kepada penyelidikan terhadap penggunaan eufemisme dalam kalangan penutur Iban yang memenuhi sembilan konsep pengkategorian iaitu antaranya meliputi aspek kemarahan atau makian, jantinan, penyakit, kematian, dan pelbagai lagi.

Selain itu, kajian mengenai eufemisme penceraian dalam masyarakat Melayu Sarawak : analisis semantik kognitif yang telah dijalankan oleh Hamidah Abdul Wahab, Khazriyati Salehuddin, Mohammed Azlan Mis & Imran ho Abdullah (2020). Kajian ini telah berfokuskan kepada objektif utama iaitu untuk menghuraikan konsep penceraian yang wujud dalam masyarakat Melayu Sarawak dengan menggunakan data eufemisme. Melalui kajian ini telah mengutip data berdasarkan kajian lapangan yang dijalankan di kawasan Kampung Buntal dan kampung Santubong, Sarawak. Kaedah temu bual telah dilakukan dengan melibatkan dua informan lelaki beserta dua informan perempuan berusia 40 tahun dan ke atas. Kajian ini telah mengaplikasikan kaedah skema imej, metafora konseptual, dan metonimi yang terdapat dalam kerangka *Idealized Cognitive Models* (ICMs) yang disarankan oleh Lakoff (1987). Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa wujudnya penggunaan eufemisme penceraian dalam kalangan masyarakat Melayu Sarawak tersebut.

Kajian yang telah dijalankan oleh Nasimah & Lubna (2019) yang berfokuskan kepada aspek kesantunan eufemisme yang wujud dalam teks terjemahan Al-Quran ke bahasa Melayu. Kajian ini telah menerapkan kaedah kualitatif yang melibatkan analisis teks secara diskriptif dengan menggunakan dua korpus iaitu *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman* terjemahan Abdullah Basmeih dan *Terjemahan Al-Quran Al-Karim Rasm Uthmani* terbitan *Hidayah House of Quran*. Kajian ini juga telah mengaplikasikan prinsip kerangka kesantunan oleh Leech. Hasil keseluruhan dapatan kajian ini mendapati kedua-dua teks terjemahan yang telah dianalisis kadangkala tidak menepati serta mematuhi kesantunan bahasa walaupun terjemahan perkataan yang terlibat merupakan perkataan yang sepadan maknanya.

Kajian yang telah dijalankan oleh Olimat (2019) yang berfokuskan kepada penggunaan eufemisme yang terdapat di dalam al-Quran. Kajian yang telah dijalankan ini bertujuan untuk menjelaskan dengan lebih terperinci ungkapan-ungkapan yang bersifat eufemisme yang terdapat di dalam Al-Quran secara lebih komprehensif serta bersandarkan kepada beberapa aspek makna antara set panduan linguistik, kamus, tafsir Al-Quran, serta perundingan dengan ahli-ahli akademik dan pakar-pakar agama. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat 518 eufemisme dalam 440 ayat daripada surah-surah yang diturunkan di Makkah. Terdapat 400 eufemisme dalam 263 ayat daripada surah-surah yang diturunkan di Madinah.

Seterusnya kajian yang telah dijalankan oleh Lee (2011) yang telah menyelidik berkaitan eufemisme dari aspek kognitif, sosiolinguistik, dan pragmatic dalam tiga bahasa asli Austronesia yang dituturkan oleh masyarakat di Taiwan, iaitu Kavalan, Paiwan, dan Seediq. Kajian yang dijalankan ini berfokuskan kepada perbandingan antara dua domain semantik iaitu berkaitan hubungan sesama manusia dan juga kematian. Pemilihan kedua aspek ini adalah seiring dengan kepentingan bagi kedua-dua domain tersebut dalam kehidupan manusia yang mempunyai kaitan rapat dengan emosi, budaya, dan sosial dalam kalangan manusia. Secara keseluruhannya, hasil kajian menunjukkan perkaitan antara perkahwinan dan penceraian merupakan sifat yang asimetri. Namun tidak bagi kehidupan dan kematian yang saling bergantung.

Kajian daripada Munirah Zulkifli, Norazilah Buhari & Nor Azili Hassan (2019) berkenaan eufemisme cerminan nilai sosiobudaya masyarakat Malaysia. Melalui kajian ini telah berfokuskan kepada beberapa objektif utama iaitu mengenalpasti peranan bahasa dalam proses pembentukan tamadun Malaysia serta melihat hubungan aspek kesantunan berbahasa dengan nilai sosiobudaya masyarakat di Malaysia. Menerusi kajian ini telah mengaplikasikan kaedah kuantitatif iaitu melibatkan pengumpulan data dengan membuat tinjauan kepada 272 orang belia berlainan bangsa seperti bangsa Melayu, Cina dan India di sekitar Lembah Klang. Secara keseluruhannya, hasil kajian mendapati hubungan kesantunan berbahasa dengan sosiobudaya dapat dilihat melalui nilai malu, menghormati, serta nilai berbudi bahasa dalam kalangan masyarakat Malaysia. Selain mampu menjadi cerminan jati diri serta dapat menyatupadukan masyarakat di Malaysia.

Kajian yang telah dijalankan oleh Noor Hatini Zolkifli & Siti Saniah Abu Bakar (2011) mengenai unsur eufemisme dalam novel Papa dan Azfa Hanani. Kajian ini dijalankan berdasarkan objektif utama iaitu meneliti penggunaan unsur eufemisme yang terdapat dalam novel terpilih seperti novel Papa dan juga novel Azfa Hanani. Kajian ini telah mengaplikasikan dua kaedah bagi mendapatkan data iaitu dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan juga kaedah analisis teks. Oleh itu, secara keseluruhannya, kajian ini telah meneliti dengan lebih terperinci unsur-unsur eufemisme dalam dialog yang terdapat dalam novel Papa dan juga novel Azfa Hanani dengan menggunakan Maksim Santun Leech (1993).

Kajian dari Siti Norashikin & Ernawita Atan (2017) yang telah mengkaji berkenaan unsur eufemisme dalam novel *Jalan Retak* karya A.Samad Said. Kajian ini berpandukan kepada objektif utama iaitu untuk mengenalpasti unsur-unsur eufemisme menganalisis serta membincangkan makna dan faktor-faktor unsur eufemisme yang digunakan dalam novel tersebut. Berdasarkan kajian yang telah dijalankan ini telah mengaplikasikan teori Logik Simbolik bagi memantapkan lagi hasil kajian. Secara keseluruhan, hasil kajian didapati bahawa terdapat 35 unsur eufemisme yang ditemui dalam novel ini berdasarkan keadaan dan status usia.

Seterusnya kajian mengenai unsur eufemisme dan perumpamaan dalam teks Hikayat Iban yang telah dijalankan oleh Harishon Radzi & Phylisia Anak David (2012). Kajian ini membincangkan dengan lebih terperinci mengenai aspek kesopanan berbahasa serta penggunaan bahasa halus yang terkandung dalam cerita hikayat masyarakat Iban di Sarawak. Tiga buah buku cerita hikayat Iban telah dipilih sebagai medium kajian. Antaranya termasuklah cerita berjudul *Bunga Nuing Ngamboh*, *Lumpong Manding*, dan *Satang kai*. Kajian ini juga telah melibatkan kaedah kajian lapangan yang telah menemu bual beberapa orang informan. Hasil kajian secara keseluruhannya mendapati bahawa berlakunya sedikit perubahan dari segi penggunaan bentuk-bentuk bahasa halus yang terpapar di dalam cerita-cerita hikayat Iban tersebut.

2.3 PENGKAJIAN TENTANG FILEM MELAYU KLASIK

Fatin Rabihah Abdul Kadir & Zaitul Azma Zainon Hamzah (2017) turut melakukan kajian mengenai filem Melayu klasik. Kajian yang telah dijalankan adalah berkenaan ujaran implisit dalam filem Melayu klasik Sri Mersing. Objektif kajian ini adalah berfokuskan kepada untuk menganalisis makna ujaran implisit yang terdapat di dalam filem Melayu klasik Sri Mersing. Kajian penelitian ini telah mengaplikasikan Teori Relevans yang merangkumi tiga komponen penting iaitu konteks, kesan konteks, dan juga kos proses. Hasil dapatan kajian didapati bahawa terdapat lima ujaran yang mengandungi makna implisit yang terkandung di dalam filem Melayu klasik Sri Mersing ini. Malah, ia jelas menunjukkan pemahaman masyarakat terhadap penggunaan serta penerapan berbahasa terutama bahasa Melayu yang penuh dengan ujaran dan makna implisit serta ia juga sekaligus membawa keindahan dan keunikan bahasa yang terdapat dalam filem Melayu Klasik.

Seterusnya kajian yang dijalankan oleh Fairuladlan Hamadun & Nasirin Abdillah & Norman Yusoff & Nur Syahirah Anani (2021) berkenaan representasi stailistik filem Hang Tuah (1956). Objektif utama kajian ini adalah untuk mengenalpasti aspek stailistik yang merangkumi elemen sinematografi, *mise en scene*, dan penyuntingan. Melalui kajian penelitian ini telah mengaplikasikan teori *historical poetic of cinema* bagi menyelesaikan setiap isu permasalahan yang muncul dalam persoalan kajian. Kajian ini turut menerapkan kaedah analisis kandungan sebagai instrument utama kajian dengan memperoleh maklumat daripada buku, filem, dan juga artikel jurnal. Oleh yang demikian, hasil dapatan kajian mendapati bahawa filem Melayu klasik Hang Tuah (1956) cenderung kepada pembuatan stailistik model Hollywood. Namun begitu, disebabkan keadaan persekitaran industri

perfileman ketika itu adalah pada era 1950-an maka ia cuba mengubah stailistik filem Hang Tuah (1956) kepada acuan filem model pembuatan india.

Kajian dari Aminnudin Saimon (2021) turut mengkaji berkenaan lakuan pertuturan dalam filem Nordin Ahmad. Objektif kajian penyelidikan ini adalah untuk menganalisis lakuan pertuturan yang terdapat dalam filem-filem Melayu Klasik terpilih iaitu filem Semerah Padi (1956), filem Hang Jebat (1961), filem Sri Mersing (1961), dan filem Lancang Kuning (1962). Hasil dari dapatan kajian penyelidikan ini mendapati bahawa sebanyak 1391 lakuan bahasa yang terdapat dalam ujaran pertuturan yang diterapkan dalam keempat-empat buah filem tersebut. Teori yang diaplikasikan dalam kajian adalah dengan mengaplikasikan teori pragmatik iaitu Teori Lakuan Bahasa (Searle, 1969).

Kajian dari Aminnudin Saimon & Zaitul Azma Zainon Hamzah (2019) berkenaan ujaran saling memahami dalam filem Nordin Ahmad. Ujaran saling memahmi berhubung antara penutur dan juga pendengar. Ia dimaksudkan bahawa ujaran penutur dalam menyatakan sesuatu yang dapat difahami oleh pendengar walau disampaikan dalam pelbagai bentuk bahasa. Objektif utama penyelidikan adalah untuk menganalisis ujaran saling memahami yang terkandung dalam empat buah filem Melayu klasik pilihan. Hasil penelitian mendapati bahawa ujaran saling memahami merangkumi unsur lakuan bahasa serta bentuk bahasa memainkan peranan penting dalam membantu pendengar dalam memahami ujaran penutur.

Kajian mengenai eksploitasi maksim oleh *Grice* (1975) dalam filem Dayang Senandong (1965) yang telah dijalankan oleh Norhidayu Hasan, Zaitul Azma, Nor Azuwan & Fazilah Husin (2020). Kajian ini telah mengemukakan objektif utama iaitu menganalisis serta menjelaskan aspek ujaran yang terhasil dari eksploitasi maksim *Grice* dalam cara

berkomunikasi yang diterapkan masyarakat Melayu dengan menggunakan filem Melayu klasik berjudul Dayang Senandong sebagai sumber data utama kajian. Filem Melayu klasik Dayang Senandong telah dipilih sebagai sumber utama kajian kerana dipercayai file mini sangat berkait serta mempunyai satu gambaran kukuh tentang budaya dan penggunaan bahasa masyarakat Melayu terdahulu. *Teori Relevans* (1986) dan *Prinsip Kerjasama Grice* (1975) telah diaplikasikan dalam penganalisisan kajian ini. Secara keseluruhannya, melalui kajian ini dapat dirumuskan bahawa eksploitasi maksim yang diterapkan dalam aspek komunikasi masyarakat Melayu melalui filem Dayang Senandong ini jelas membuktikan bahawa masyarakat melayu terdahulu sangat menitikberatkan nilai kehalusan dari segi berbahasa bagi menyampaikan sesuatu mesej dengan tepat.

Seterusnya kajian dari mastura Muhammad(2006) mengenai prinsip dan konsep bentuk filem Nujum Pak Belalang. Melalui penelitian yang telah dijalankan ini terdapat beberapa yang difokuskan oleh pengkaji antaranya bentuk yang diterapkan secara menyeluruh sebagai suatu sistem yang menyatukan beberapa aspek-aspek yang terdapat di dalamnya serta menjelaskan dengan lebih terperinci prinsip-prinsip yang digunakan dalam filem Nujum Pak Belalang tersebut. Kajian penelitian ini telah merujuk kepada bentuk filem yang telah diperkenalkan oleh David Bordwell dan Kristin Thompson (1990) dengan memilih filem Melayu klasik bertajuk Nujum Pak Belalang (1956) yang telah diarahkan oleh P.Ramlee sebagai sumber utama pemilihan data. Melalui hasil kajian secara keseluruhannya mendapati filem Nujum Pak Belalang merupakan sebuah filem komedi yang boleh dianggap mempunyai kesempurnaan sebagai sebuah filem berbentuk komedi bersandarkan tema yang ringan.

Kajian penyelidikan daripada Sharip Zainal & Zairul Anuar (2020) mengenai komposisi tari Melayu dalam filem P.Ramlee *Sumpah Orang Minyak* (1958) : analisis terhadap tarian *tudung periuk*. Melalui kajian yang telah dijalankan ini berfokuskan kepada objektif utama iaitu menganalisis tema dan juga persoalan melalui gerak tari serta pola lantai yang telah dipersembahkan di dalam filem tersebut. Analisis ini juga turut meliputi dari segi penggunaan muzik, kostum, lagu, serta alat-alat atau props yang digunakan oleh penari.

Kajian daripada Ahmad Zamil Zakaria, Ismail Hafiz & Mohd Sabrizaa (2014) mengenai elemen landskap Melayu seperti yang digambarkan dalam filem Melayu lama. Melalui kajian yang telah dijalankan telah diperincikan beberapa objektif utama termasuklah untuk melihat kesenian elemen-elemen lanskap Melayu yang diterapkan oleh penerbit filem-filem di Malaysia. Selain memahami gaya hidup masyarakat Melayu terdahulu melalui filem-filem Melayu lama tempatan. melalui kajian ini jelas menunjukkan bahawa budaya-budaya Melayu menekankan elemen-elemen landskap Melayu kepada khalayak ramai serta amat penting bagi individu masyarakat untuk terus menonjolkan elemen warisan masyarakat Melayu bagi mewakili imej serta identity bangsa Melayu sendiri.

Kajian yang telah dijalankan oleh Mohammad Mahdi Abas (2010) mengenai manusia terpinggir dalam filem Melayu : analisis terhadap fenomena rajuk dan pujuk. Melalui kajian ini didasari atas objektif utama iaitu menganalisis fenomena rajuk dan pujuk yang terkandung dalam filem-filem Melayu klasik pilihan. Antara filem-filem Melayu klasik yang terpilih antaranya filem *Semerah Padi* (1956), *Sumpah Orang Minyak* (1958), *Ibu Mertuaku* (1962), *Hang Jebat* (1961) dan *Sayang Salmah* (1995). Secara keseluruhannya mendapati bahawa rajuk dan pujuk menghasilkan ramai individu yang dipulaukan yang menjadi cerminan kepada sosio-politik, pemikiran, dan gaya hidup Melayu kontemporari.

Seterusnya kajian daripada Nurul Ezzati Aisya & Wan Hartini Wan Zainodin (2020) mengenai pengkaryaan sinematografi P.Ramlee tentang perwakilan nilai budaya dalam filem Antara Dua Darjat dan Ibu Mertua-ku. Melalui kajian ini telah dipandukan berdasarkan objektif utama iaitu mengkaji serta menganalisis dengan lebih terperinci mengenai model perwakilan budaya dengan mengaplikasikan Teori Auteur.

Melalui penulisan oleh Jins Shamsudin (2014) yang berjudul filem Melayu citra budaya dan rakaman sejarah. Menerusi penulisan buku yang telah ditulis oleh Jins Shamsudin ini menerangkan mengenai sejarah perkembangan awal perfileman filem-filem Melayu di Negara Malaysia. Dijelaskan juga mengenai pengkategorian sejarah, budaya, dan sosial setiap pembahagian filem-filem Melayu lama. Seterusnya, melalui penulisan ini juga terkandung penerangan mengenai sejauh mana konflik sosial mampu mempengaruhi citra budaya masyarakat Melayu.

Manakala, kajian yang telah dijalankan oleh Jonit & Rosini (2007) mengenai pengisian budaya dalam filem Melayu. Kajian yang telah dijalankan ini didasari kepada objektif utama kajian iaitu meneliti serta menerangkan dengan lebih terperinci mengenai kedudukan serta hubungan budaya dengan filem Melayu diikuti cabaran-cabaran yang diiringinya dan dibahaskan dalam rangka interaksi dan juga kontradiksi antara masyarakat, seni, dan kuasa pasaran. Hasil kajian mendapati berlaku ketidak seimbangan antara kuasa pasaran dan nilai-nilai seni dalam filem Melayu. Nilai budaya yang perlu diisi dalam memperelokkan lagi seni melalui filem melayu itu adalah budaya yang mempunyai hubung kait dengan hal akal, fikiran, budi, dan kebijaksanaan.

2.4 PENGKAJIAN TENTANG KESANTUNAN MASYARAKAT MELAYU

Kajian dari St Mislikhah (2014) berkenaan kesantunan dalam berbahasa. Kajian yang telah dijalankan ini merupakan kajian penelitian dari negara luar iaitu Indonesia. Melalui kajian ini diperjelaskan mengenai kesantunan dalam berbahasa dicerminkan melalui tatacara ketika berkomunikasi sesama individu manusia. Komunikasi termasuk pada norma dalam berbudaya bukan sekadar menyampaikan idea pemikiran. Tatacara dalam berbahasa sesuai dengan elemen-elemen budaya yang terdapat dalam sesuatu komuniti masyarakat.

Seterusnya kajian yang telah dijalankan oleh Salinah Ja'afar (2005) mengenai *Kesantunan Bahasa : Pertembungan Antara Budaya Melayu-Bukan Melayu Dan Islam-Bukan Islam*. melalui kajian ini, telah diperjelaskan mengenai persepsi atau pandangan tentang persamaan dan perbezaan nilai serta etos yang terdapat dari aspek komunikasi yang diterapkan terhadap budaya bukan Melayu serta bukan Islam terutama melalui aspek kesantunan bahasa. menerusi kajian ini

Kajian yang telah dijalankan oleh Noriati A.Rashid (2005) mengenai nilai kesantunan dalam konteks sosiobudaya masyarakat Melayu. Melalui kajian yang telah dijalankan ini, didapati terdapat beberapa objektif utama yang dikemukakan iaitu menganalisis nilai-nilai kesantunan antaranya termasuklah adat dan tradisi yang diamalkan oleh budaya masyarakat Melayu, konsep budi bahasa dalam kalangan masyarakat Melayu, konsep dalam menjaga maruah diri, serta pelbagai lagi yang termasuk serta mempunyai kaitan umum dengan konteks sosiobudaya masyarakat Melayu. Kajian ini juga turut menjelaskan mengenai latar belakang sosiobudaya masyarakat Melayu terdahulu di samping mengkaji hubungan yang

terkait antara nilai-nilai Islam dengan fenomena kesantunan masyarakat Melayu. Oleh hal yang demikian, melalui kajian ini juga turut memperincikan mengenai fenomena penggunaan bahasa yang penuh sopan dalam konteks sosial serta hubungannya dengan nilai, serta ciri-ciri budaya yang menguasai pertuturan dalam kalangan masyarakat. Jelaslah disini bahawa, konteks sosiobudaya merupakan perkara yang penting untuk memahami kesantunan masyarakat Melayu.

Kajian yang telah dijalankan oleh Arina Johari & Indirawati Zahid (2016) iaitu mengenai manifestasi kesantunan Melayu dalam ujaran memberi dan meminta maaf. Melalui kajian ini terdapat beberapa objektif utama yang diperincikan antaranya analisis dilakukan bagi mengenalpasti pola kesantunan dalam berbahasa yang terkandung dalam satu bual bicara rancangan berjudul *Celik Mata Reset Minda Orang Yang Tenang* di radio IKIMfm. Melalui kajian ini telah mengaplikasikan dua teori iaitu teori Model Kesantunan Brown dan Levinson (1987) serta teori Prinsip Kerjasama Grice (1975) yang mengemukakan beberapa model pola kombinasi strategi dan maksim bagi menganalisis 33 dialog dari satu konteks perbualan yang difokuskan dalam bual bicara tersebut. Oleh hal yang demikian, kajian yang dijalankan ini jelas menunjukkan bahawa dalam menuturkan setiap ujaran memberi serta meminta maaf yang diungkapkan tersebut terselit kesantunan yang dapat diterapkan agar tidak menyinggung perasaan mana-mana belah pihak.

Selain itu, kajian mengenai kesantunan bahasa semasa berkomunikasi di laman sosial yang telah dijalankan oleh Ainal Akmar, Maizatul Azura, Nasihah Hashim & Noor Aida Mahmor (2016). Melalui kajian yang telah dijalankan ini bertujuan bagi meninjau serta menganalisis penggunaan bahasa yang digunakan semasa berkomunikasi di laman sosial dan melihat interaksi serta maklum balas yang dilakukan oleh netizen terhadap berita-berita yang

disiarkan berkaitan kerajaan di laman sosial. Kajian ini juga telah menggunakan laman sosial *facebook* yang diakses oleh pengguna internet sebagai salah satu medium utama bagi subjek kajian. Teori yang telah diaplikasikan adalah dengan mengaplikasikan Teori Kesantunan oleh Asmah haji Omar (2000). Secara keseluruhan, hasil kajian yang dianalisis didapati bahawa kebanyakan netizen akan menggunakan kata-kata yang kesat serta tidak menyenangkan ketika memberi sebarang komen terutama terhadap sesuatu isu atau berita yang mempunyai kaitan dengan kerajaan yang disiarkan di dalam laman-laman sosial.

Seterusnya, kajian mengenai aspek kesantunan semasa berkomunikasi iaitu sebuah kajian yang telah dilakukan oleh Marlyna Maros (2011). Melalui kajian ini telah membincangkan dengan lebih terperinci tentang strategi serta kesantunan masyarakat Melayu dalam membuat teguran terhadap sesuatu. Kajian ini telah mengaplikasikan pendekatan teori Kesantunan Brown dan Levinson (1978, 1987) serta prinsip perbezaan budaya Timur dan Barat oleh Hsi (1981). Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat beberapa persamaan strategi yang diterapkan serta digunakan dalam menyampaikan sesuatu perkara oleh penutur bahasa dari budaya Timur. Selain dari itu, penutur dari Timur juga iaitu masyarakat Melayu sendiri masih berpegang kepada budaya-budaya Melayu dalam melakukan sebarang teguran terhadap sesuatu.

Kajian yang telah dijalankan oleh Norhana Bakhary (2014) mengenai strategi kesantunan berbahasa masyarakat adat papatih dalam kata pembilangan. Melalui kajian yang telah dijalankan ini diperincikan kepada beberapa objektif utama iaitu bertujuan mengenalpasti serta membincangkan strategi yang digunakan dalam kesantunan kata perbilangan yang terdapat di dalam adat papatih. Data kajian yang dianalisis diambil daripada ungkapan serta ujaran kata perbilangan yang digunakan dalam empat peristiwa perundingan

dalam adat pepatih. Kajian ini telah mengutip data secara kualitatif dengan menggunakan prinsip kesantunan berbahasa oleh Leech (1983). Secara keseluruhan kajian yang dikaji ini menunjukkan bahawa ciri-ciri bahasa yang terkandung dalam kata perbilangan adat mengandungi sisipan bahasa kiasan yang bersifat sopan dan halus disamping penggunaan kata-kata dialek tempatan disulami tatatertib dan adab bagi mengekalkan hubungan mesra serta mewujudkan keharmonian dalam melakukan kerjasama antara peserta yang terlibat dalam sesuatu peristiwa perundingan.

Seterusnya kajian yang telah dijalankan oleh Mohamed Redzwan, Khairul Azam Bahari, Anida Sarudin & Zulkifli Osman (2020) mengenai keupayaan berbahasa menerusi penggunaan Bahasa Melayu Tinggi dan Berbudaya (BMTB) yang diterapkan dalam kalangan guru pelatih sebagai sebuah ciri kesantunan yang dapat diukur melalui Profesionalisme Guru Pelatih berdasarkan skala morfofonetik, sosiolinguistik, dan sosiopragmatik. Kajian ini telah menggunakan kaedah kualitatif di mana telah mengambil sembilan orang guru pelatih subjek Bahasa Melayu dari lima buah sekolah menengah terpilih di Negeri Perak untuk dijadikan sebagai responden kajian. Melalui kajian ini telah mengaplikasikan teori Kesantunan Berbahasa oleh Brown dan Levinson (1987). Secara keseluruhannya kajian ini menunjukkan akan kelemahan serta kelebihan guru-guru pelatih khususnya dari segi upaya mereka dalam berbahasa Melayu tinggi dan berbudaya yang sewajarnya dititikberatkan.

2.5 PENGKAJIAN TENTANG TEORI PUITIKA SASTERA MELAYU

Kajian daripada Hashim Ismail (2019) mengenai teori puitika sastra Melayu : interpretasi dan praktikaliti. Melalui kajian ini didasari atas objektif utama kajian iaitu untuk menilai Teori Puitika Sastra Melayu sebagai sebuah teori sastra tempatan yang telah digagaskan oleh Muhammad Haji Salleh (1989). Selain itu, kajian ini turut mengenalpasti ciri-ciri pengaplikasian Teori Puitika Sastra Melayu dengan lebih mendalam serta menganalisis pendapat sarjana mengenai kesesuaian teori puitika sastra Melayu sebagai sebuah teori tempatan. Hasil dapatan melalui kajian yang telah dijalankan ini didapati bahawa Teori Puitika Sastra Melayu banyak memaparkan hubungan keindahan dari segala aspek terutama dari aspek hubungan horizontal.

Seterusnya kajian yang telah dijalankan oleh Eizah Mat Hussain (2016) yang menghimpunkan prinsip-prinsip yang terkandung dalam puitika Melayu bagi menganalisis himpunan *pantun Melayu – Bingkisan Permata* (2001). Kajian penyelidikan ini telah membawa model kajian estetika pantun berdasarkan daripada prinsip dunia yang dipadatkan, dunia berjodohan, saranan, serta kaedah sebagai sebuah kaedah bagi menganalisis simbol dan juga makna yang terkandung dalam objek tumbuhan serta haiwan dalam bahan kajian yang digunakan. Oleh itu, secara keseluruhannya melalui kajian ini jelas menunjukkan kelebihan dan kelemahan yang terdapat dalam teori puitika Melayu dalam menjalankan sebarang analisis.

Kajian seterusnya dijalankan oleh Kartini Anwar () mengenai tradisi sastra Johor-Riau : suatu kajian terhadap syair sejarah. Melalui kajian ini telah menganalisis sebanyak enam buah syair sejarah antaranya termasuklah *Syair Perang Johor*, *Syair Kisah Engku Puteri*, *Syair Pangeran Syarif hasyim*, *Syair Sultan Mahmud di Lingga*, *Syair Perjalanan Sultan Lingga*, dan *Syair Perkahwinan Tik Sing*. Melalui kajian ini telah menggunakan kerangka konseptual Puitika Sastera Melayu sebagai teras utama kajian. Kajian ini telah menggunakan beberapa konsep seperti pengarang, teks, khalayak, serta latar penciptaannya. Oleh yang demikian, menerusi kajian ini telah berfokuskan kepada kepengarangan penyair serta mengenalpasti peristiwa-peristiwa sejarah yang dikemukakan serta dimenifestasikan oleh pengarang ke dalam bentuk syair.

Kajian yang telah dijalankan oleh Efrizal A.S (2012) mengenai kajian estetika dalam cerita rakyat Melayu Kuantan Riau, Indonesia. Kajian ini telah menggabungkan sebahagian Teori Puitika Sastera melayu dengan pendekatan Model Braginsky (1998). Kajian yang telah dijalankan oleh Efrizal ini telah mengemukakan dengan lebih terperinci serta berfokuskan kepada aspek estetika sosial-budaya masyarakat. Secara keseluruhannya, melalui Puitika Sastera Melayu ini ditemui beberapa estetika dari segi fungsi cerita, analisis kata-kata yang indah, serta analisis khalayak. Selain ia juga turut menunjukkan teori Puitika Sastera melayu ini agak lebih mirip kepada teori Sosiologi Sastera.

Sebuah lagi kajian yang telah dijalankan oleh Azman Awang Pawi (2008) yang menumpukan kepada pemikiran pascakolonial. Pengkaji telah mengkaji dari segi kepengarangan Muhammad haji Salleh yang dianggap sebagai pengarang pascakolonial serta melakukan analisis dari aspek teks dan konteks. Melalui hasil kajian ini secara keseluruhannya, didapati bahawa Puitika Sastera Melayu menunjukkan keupayaan

pemikiran yang dihasilkan selepas pengalaman pascakolonial. Di samping menjelaskan dengan lebih terperinci mengenai hubungan penghasilan Puitika Sastera Melayu dengan perspektif pribumi, ketajaman pengetahuan tempatan, ruang kajian yang luas, memanfaatkan teori daripada teks, setiap bangsa memiliki “Puitika”, pembinaan teori daripada teks, dan pembinaan teori tempatan merupakan tindakan di negara pascakolonial.

Kajian daripada Siti Aisah bte Yusoff (2011) telah mengkaji serta menjalankan kajian penyelidikan menggunakan Teori Puitika Sastera Melayu bagi menganalisis kumpulan puisi kanak-kanak moden. Antara kumpulan puisi kanak-kanak moden yang telah dipilih sebagai subjek utama perolehan data adalah seperti *Kumpulan Puisi Putera-Puteri Malaysia* (2010) dan *Kumpulan Puisi Nota Untuk Ibu* (2010). Melalui kajian ini secara keseluruhannya, dibuktikan bahawa terdapat nilai-nilai estetika yang sesuai dengan pemikiran kanak-kanak. Walaubagaimanapun, menerusi kajian ini pengkaji banyak menekankan mengenai unsur-unsur penggunaan bahasa, termasuklah bentuk penggunaan metafora, pengulangan kata, selain penekanan terhadap puisi sebagai bahan pengajaran.

Selain itu, kajian yang telah dijalankan oleh Khatijah Mohamad Yatim (2016) yang telah menganalisis berkaitan *Hikayat Char Darwis* : kajian berdasarkan Teori Puitika Sastera Melayu. Melalui kajian penyelidikan ini, objektif utama kajian ini dijalankan adalah untuk menganalisis unsur alatan bahasa sastera, sopan santun, dan strategi pengarang merendah diri, bahasa yang sempurna dan tidak janggal. Hasil daripada kajian ini secara keseluruhannya mendapati bahawa terdapat unsur-unsur keindahan yang terdapat di dalam *Hikayat Char Darwis*. Ia dapat dilihat melalui unsur hikayat yang indah-indah, sastera sebagai pengajar, dunia nestapa, yang asli itu indah, susunan episodik, seni yang dramatik, dan keajaiban.

Berdasarkan kajian lepas yang telah dijalankan oleh Abang Saifuddin Abang Bohari (2004) mengenai sebuah penganalisan dari aspek nilai estetika melalui 1001 Pantun Baru. Melalui kajian ini telah dijelaskan secara terperinci mengenai kehidupan dunia luas yang telah dipadatkan, mainan dan kiasan, dunia berjodoh, sama ukuran, muzik seiring dengan kata, sesuai dan patut, ditambah dengan fungsi keindahan, iaitu sastera sebagai pengajar, dan dunia duka nestapa. Selain membuktikan akan ciri-ciri sastera sebagai pengajar dan dunia duka nestapa sebagai satu aspek penting dalam estetika Melayu.


Seterusnya kajian daripada Abdul Halim Salleh mengenai konsep keindahan dalam kesusasteraan Melayu tradisional. Melalui kajian ini telah mengaplikasikan dua pendekatan iaitu teori puitika sastera Melayu yang dikemukakan oleh Muhammad haji Salleh serta idea estetika oleh I.V. Braginsky dalam merungkai aspek nilai keindahan dalam kesusasteraan Melayu tradisional. Kajian ini telah menunjukkan perbezaan ketara di antara dua tokoh dalam memberi konsepsi mengenai keindahan dalam kesusasteraan tradisional disebabkan oleh perbezaan pendekatan. Oleh yang demikian, pandangan serta pendapat yang dikemukakan oleh kedua-dua tokoh ini telah mendapati tiga asas yang dominan iaitu warisan Melayu, tekstual teks, serta unsur Islam yang mempengaruhi dan memancarkan keindahan dalam kesusasteraan Melayu.

Kajian yang telah dijalankan oleh Pui Wen Hang (2020) mengenai analisis pemikiran Melayu dalam pantun kanak-kanak berdasarkan teori puitika sastera Melayu. Melalui kajian ini telah berfokuskan kepada enam buah prinsip keindahan pantun yang telah didasarkan oleh teori puitika sastera Melayu. Antara enam prinsip tersebut termasuklah dunia luas yang dipadatkan, kiasan dan saranan, dunia yang berjodoh, sama ukuran dan imbalan, muzik seiring kata dan sesuai dan patut. Secara keseluruhannya, amatlah sesuai jika penceritaan


sastera Melayu harus padat, sederhana, serta sesuai iaitu tidak boleh terlalu singkat sehingga tidak sampai maksud yang ingin dibawa. Oleh itu, pantun merupakan simbol yang menunjukkan jiwa masyarakat Melayu yang sebenar.



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN

2.6 KESIMPULAN

Berdasarkan daripada kajian-kajian lepas jelas menunjukkan kajian-kajian berkaitan penerapan bahasa halus telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu namun agak sedikit terhad aspek yang dikaji. Hal ini berikutan kerana kebanyakan pengkaji-pengkaji terdahulu mengkaji penggunaan bahasa halus dari aspek pertuturan berbahasa atau kehalusan dialek yang digunakan dalam tutur seharian. Namun begitu kajian dari segi kesantunan berbahasa yang diterapkan oleh masyarakat juga telah banyak dijalankan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu. Hal ini jelas menunjukkan masyarakat pada ketika dahulu amat mementingkan nilai kehalusan dalam berbicara.

Selain itu, berdasarkan kajian-kajian lepas juga jelas menggambarkan bahawa teori puitika sastera Melayu menyelami segala aspek estetika dan keindahan. Kajian ini menyerlahkan lagi kelainan serta perbezaan berbanding kajian-kajian terdahulu iaitu berdasarkan perspektif kebijaksanaan. Hal ini berikutan kerana, pengkaji melihat serta mencirikan kesantunan masyarakat terdahulu yang perlu dicontohi oleh masyarakat pada masa kini dalam kehidupan. Bahasa halus jelas menunjukkan ciri-ciri nyata masyarakat terdahulu akan keindahan serta kehalusan estetika dalam berbicara yang mempunyai makna serta menghadirkan maksud yang tersirat dan juga tersurat di sebalik madah kata yang sopan serta indah didengar tanpa perlu mengguris perasaan individu lain. Oleh itu, pengkaji berminat untuk mengkaji kajian berkaitan penerapan bahasa halus dalam membentuk kesantunan masyarakat Melayu dengan lebih mendalam.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN


3.1 PENGENALAN

Pada bahagian ini membincangkan mengenai metodologi kajian yang menyingkap serta menghuraikan kaedah serta bentuk kajian yang akan digunakan oleh pengkaji bagi mencapai tujuan dalam mendapatkan segala data-data maklumat berkaitan kajian yang dijalankan. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2017) metodologi merupakan suatu sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan. Menurut Othman Mohamed (2001) berpandangan bahawa metodologi merupakan suatu langkah atau kaedah yang sistematik dan tersusun dengan menggabungkan pendekatan kajian dan analisis data maklumat yang selari dengan peraturan yang ditetapkan sendiri agar ia dapat memastikan setiap penyelidikan yang dijalankan berjalan dengan lancar sekaligus mencapai hasil kajian yang berkesan dan sempurna. Metodologi kajian ini akan menerangkan dengan lebih terperinci mengenai cara sesuatu masalah itu dikaji serta sebab sesuatu teknik dan kaedah itu digunakan. Metodologi kajian ini bertujuan untuk membantu memahami dengan lebih mendalam mengenai pengaplikasian kaedah serta menghuraikan proses kajian.


Menerusi bab ini, metodologi yang digunakan adalah reka bentuk kajian, kaedah kajian, dan penerapan teori bagi membantu sepanjang proses penyelidikan.



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN

3.2 REKA BENTUK KAJIAN

Reka bentuk kajian merupakan satu elemen penting yang diperlukan dalam kaedah pengkajian. Menurut Kerlinger (1970), reka bentuk kajian merupakan satu tatacara pengolahan data yang dipungut berdasarkan perancangan khusus dan sistematik terhadap konsep pembentukan rangkaian hubungan antara pemboleh-pemboleh ubah yang terlibat dalam suatu kajian. Oleh hal yang demikian, melalui kajian ini reka bentuk kajian kualitatif telah menjadi asas bagi pengumpulan data bagi analisis tajuk yang hendak dikaji.

3.2.1 Reka Bentuk Kajian Kualitatif

Menerusi kajian ini, pengkaji telah memilih kaedah reka bentuk kualitatif. reka bentuk kualitatif merupakan salah satu jenis reka bentuk yang boleh dilakukan dengan menganalisis kandungan dokumen untuk mendapatkan data kajian. Reka bentuk kualitatif dipilih oleh pengkaji kerana pengkaji khususnya akan menganalisis penggunaan yang terdapat dalam dialog yang terdapat dalam filem-filem Melayu klasik terpilih tahun 60-an. Menurut Schostak dan John F. (2002) berpendapat bahawa kajian kualitatif menyumbang kepada sesuatu kajian yang berbentuk statistik. Kualitatif ini juga bermaksud memberi makna dan tidak boleh diukur.

3.2.1.1 Kaedah Analisis Teks

Menerusi kaedah analisis teks ini, pengkaji telah menganalisis serta menghuraikan dengan lebih terperinci melalui penggunaan bahasa halus serta nilai keindahan yang terdapat dalam bahasa halus itu sendiri melalui penerapan dialog-dialog yang dimainkan dalam filem-filem Melayu klasik terpilih pada tahun 60-an. Hal ini demikian kerana, melalui kaedah kajian teks ini adalah bagi membincangkan aspek kajian pengkaji iaitu dari segi penerapan bahasa halus melalui persepsi keindahan serta kesan dari bahasa halus tersebut dalam membentuk kesantunan masyarakat Melayu.

3.2.1.2 Kaedah Pengumpulan Data

Kaedah pengumpulan data merupakan salah satu kaedah yang digunakan bagi mengumpul segala data dan juga maklumat yang berkaitan dengan topik kajian. Setiap data yang diperolehi daripada pelbagai medium antaranya seperti melalui filem-filem Melayu klasik terpilih tahun 60-an antaranya filem Sri Mersing, Si Tanggang, Antara Dua Darjat, Ali Baba Bujang Lapok, dan juga filem Ibu Mertua-Ku. Data juga dapat diperolehi daripada bahan-bahan kepustakaan yang lain antaranya termasuklah buku-buku, tesis, jurnal kajian lepas, dan juga dokumen-dokumen lain yang berkaitan dengan tajuk kajian. Selain itu, data maklumat juga turut diperolehi daripada sumber-sumber yang terdapat di dalam laman sesawang internet.

3.2.1.3 Kaedah Kepustakaan

Kaedah kepustakaan merupakan salah satu kaedah yang memerlukan pencarian data dan maklumat secara kepustakaan iaitu melalui penelitian serta pembacaan bahan-bahan perpustakaan yang mempunyai kaitan dengan kajian yang dijalankan. Melalui kajian ini, pengkaji telah menggunakan kaedah kajian kepustakaan dengan merujuk beberapa bahan-bahan berbentuk buku-buku, majalah, dokumen-dokumen serta jurnal, dan juga tesis kajian lepas yang berkaitan dengan tajuk kajian. Segala bahan-bahan yang diperoleh telah diambil dari Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan dengan berhubung kepada pustakawan.

3.2.1.4 Kaedah Internet

Kaedah internet juga turut diaplikasikan oleh pengkaji untuk mengenal pasti data maklumat bahan-bahan kajian. Terdapat beberapa laman web dan sesawang yang telah pengkaji kunjungi untuk mendapatkan maklumat serta bahan-bahan kajian. Antara laman sesawang yang dikunjungi adalah seperti laman web rasmi Dewa Bahasa dan Pustaka, laman web Universiti Malaysia Kelantan, serta laman web *Google Scholar*.

3.3 PENERAPAN TEORI

Penerapan teori telah menjadi salah satu aspek penting dalam melakukan kajian. Hal ini berikutan kerana teori kajian dapat mengenal pasti serta dapat menjadikan penganalisisan sesuatu kajian menjadi lebih berkesan serta mendorong kepada hasil kajian yang menepati ketetapan pada sesuatu kajian yang dijalankan. Menurut Cohen R. (1987) berpendapat bahawa teori merupakan pernyataan yang menggambarkan hubungan antara dua perkara yang benar dengan bait-bait ayat yang seakan peraturan untuk membentuk pernyataan yang baru. Oleh hal yang demikian, melalui kajian ini, pengkaji telah menggunakan Teori Puitika Sastera Melayu melalui tiga aspek utama iaitu dari segi takrif dan istilah, genre, serta perkataan yang indah-indah bercirikan kepada dua ciri keindahan iaitu mainan kiasan dan saranan serta sesuai dan patut.

3.3.1 Teori Puitika Sastera Melayu

Melalui kajian ini telah mengaplikasikan Teori Puitika Sastera Melayu bagi memantapkan lagi analisis kajian. Teori Puitika Sastera Melayu telah mula digagaskan oleh Sasterawan Negara iaitu Muhammad Haji Salleh pada tahun 1989. Muhammad Haji Salleh telah menekankan bahawa sesebuah teori harus mempersoalkan semua bidang penting dalam sesebuah karya. Antaranya termasuklah definisi bidang, fungsi, alatan bahasa, konsep teks, pengarang, serta nilai estetika termasuklah khalayak yang memberi makna terakhir kepada sesebuah penghasilan karya sastera. Dalam erti kata lain, Teori Puitika Sastera Melayu

memperlihatkan dari aspek keindahan yang jelas menunjukkan serta membawa identiti Melayu itu sendiri.

3.3.2 Aspek Utama Teori Puitika Sastera Melayu

Melalui pengaplikasian Teori Puitika Sastera Melayu telah diasaskan kepada lapan aspek utama. Namun, melalui penganalisan kajian yang dijalankan ini hanya menggunakan tiga sahaja aspek utama iaitu dari segi takrif dan istilah, genre, serta perkataan yang indah-indah bercirikan kepada dua ciri keindahan iaitu mainan kiasan dan saranan serta sesuai dan patut. Keutamaan Teori Puitika Sastera Melayu adalah pada tanggapan bahawasanya sastera tradisional Melayu mempunyai ciri sastera yang boleh diteorikan (Mana Sikana, 2008 : 27-29)

Melalui genre dialog yang digunakan dalam filem-filem Melayu klasik, konsep estetika Puitika Sastera Melayu dicirikan kepada beberapa bahagian. Namun, melalui kajian ini hanya memilih dua sahaja penerapan ciri-ciri keindahan antaranya termasuklah dari segi mainan kiasan dan saranan iaitu merujuk kepada strategi pemaknaan serta maksud secara canggih melayangkan citra dan makna di hadapan mata kasar dan mata hati khalayak. Seterusnya, ciri keindahan yang terakhir adalah dari segi sesuai dan patut iaitu merujuk kepada nilai keindahan yang ditemui dalam penggunaan bahasa halus yang diterapkan dalam dialog filem-filem Melayu klasik terpilih tahun 60-an yang disebut patut dan sesuai dengan keadaan, tidak melawan arus atau tidak janggal.

3.4 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, pada bahagian metodologi kajian ini telah merungkaikan dengan lebih terperinci aspek kajian melalui reka bentuk, kaedah, pengaplikasian teori, serta beberapa aspek utama yang terdapat dalam teori yang diterapkan dalam kajian bagi mendapatkan hasil analisis yang mantap dan berkesan sebagai sebuah kajian yang sempurna. Aspek-aspek yang terkandung dalam bahagian metodologi kajian ini jugalah yang menjadi tonggak utama kajian bagi memperoleh segala data dan juga maklumat penting berkaitan kajian yang akan memudahkan lagi proses penganalisan kajian.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 PENGENALAN

Pada bahagian dapatan kajian ini, terdapat beberapa aspek yang akan dibincang serta dikupas. Antara beberapa aspek tersebut termasuklah berkaitan hasil yang didapati melalui kajian yang dijalankan terhadap beberapa buah filem Melayu klasik yang telah dipilih berfokus pada filem-filem Melayu klasik tahun 60-an. Menerusi hasil dapatan kajian ini, hanya lima buah filem Melayu klasik terpilih tahun 60-an sahaja yang telah dipilih iaitu filem Melayu klasik berjudul Antara Dua Darjat, Ali Baba Bujang Lapok, Seniman Bujang Lapok, Sri Mersing, Seniman Bujang Lapok, dan juga filem Ibu Mertua-Ku. Pada bahagian ini, pengkaji akan menerang dengan lebih lanjut dan terperinci mengenai penggunaan bahasa halus yang terdapat di dalam filem-filem Melayu klasik yang telah dipilih serta keindahan yang terdapat dalam bahasa halus tersebut terutama dalam membentuk kesantunan masyarakat Melayu pada ketika itu. Hasil penganalisan menerusi kajian ini telah menerapkan penggunaan Teori Puitika Sastera Melayu. Penerapan Teori Puitika Sastera Melayu menerusi kajian ini telah berfokuskan kepada beberapa aspek iaitu dari segi takrif

dan istilah, genre, dan juga perkataan-perkataan yang indah. Oleh yang demikian, secara keseluruhannya melalui bahagian dapatan kajian ini, pengkaji akan menganalisis serta mengupas dengan lebih terperinci mengenai keindahan penggunaan bahasa halus dalam filem-filem Melayu klasik terpilih tahun 60-an serta menghurai dengan lebih lanjut keindahan penggunaan bahasa halus tersebut dalam membentuk kesantunan masyarakat Melayu menerusi aspek-aspek dalam Teori Puitika sastera Melayu.



4.2 PENGGUNAAN BAHASA HALUS DALAM FILEM MELAYU KLASIK TERPILIH TAHUN 60-AN MENERUSI ASPEK GENRE

Jadual 1 : senarai nama filem Melayu klasik terpilih mengikut genre.

BIL	GENRE	TAJUK FILEM MELAYU KLASIK	SINGKATAN
1.	Komedi	1) Ali Baba Bujang lapok 2) Seniman Bujang Lapok	1) ABBL 2) SBL
2.	Drama	1) Antara Dua Darjat 2) Ibu Mertua-Ku 3) Sri Mersing	1) ADD 2) IMK 3) SM
3.	Muzikal	1) Ibu Mertua-Ku 2) Antara Dua Darjat 3) Ali Baba Bujang Lapok	1) IMK 2) ADD 3) ABBL

Jadual 2 : Senarai penggunaan bahasa halus mengikut filem Melayu klasik terpilih.

GENRE	TAJUK FILEM	BAHASA HALUS	MAKNA
Komedi	Ali Baba Bujang Lapok	Kekanda Apa hajat kau datang kemari? Kanda/Dinda	Abang/ saudara lelaki Tujuan datang kemari Abang/Adik
	Seniman Bujang Lapok	Hajat Saudara	Tujuan Kata ganti nama kedua (awak, kamu, dan anda)
Drama	Antara Dua Darjat	Bermaharajalela Riwayat Berdarah mulia	Menetap Kisah yang dialami seseorang di sesuatu tempat Keturunan Diraja/kerabat
	Ibu Mertua-Ku	Menawan hati Memperisterikan	Menarik perhatian Menjadikan seseorang sebagai isteri
		Tidak gentar menempuh penghidupan	Tidak takut meneruskan kehidupan seharian
Muzikal	Ibu Mertua-Ku	Andai dinda pergi, Daku teman tiada	Merasa kesunyian jika cinta hati pergi meninggalkan dirinya.
		Kanda rindu selalu, senyuman yang manis bermadu Tak sanggupku berpisah, dan berhati patah	Merindui senyuman dan segala kenangan yang telah dicipta bersama. Tidak sanggup lagi untuk berpisah dengan kekasih

		<p>Selama kau pergi, tinggalku sendiri, tiada berteman dalam kesepian</p> <p>Menambah rasa cinta, dalam lubuk jiwaku</p> <p>Lagaknya dia, menarik perhatianku</p>	<p>hati.</p> <p>Merasa kesunyian akibat ditinggalkan oleh kekasih hati.</p> <p>Perasaan atau rasa cinta dan kasih terhadap seseorang itu semakin bertambah.</p> <p>Gerak-gerinya menarik perhatian seseorang.</p>
Muzikal	Antara Dua Darjat	<p>Sayup terdengar alunan biola, bergema ditengah dengan irama.</p> <p>Lemah lembut dibawa buana, di angkasaraya, merdu mesra diiringi suara, nyanyian yang menggetarkan di jiwa.</p> <p>Hidup penuh goda, kalau kurang waspada, sesal tak berguna</p>	<p>Keindahan alunan alat muzik biola yang terdengar sayup bergema.</p> <p>Alunan biola yang dimainkan bergema lembut ke seluruh suasana di tempat tersebut diikuti alunan merdu suara penyanyi yang bernyanyi di kawasan tersebut.</p> <p>Sentiasa menjaga akhlak serta diri sendiri dari terjerumus dengan segala keburukan.</p>

4.2.1 GENRE KOMEDI

Sesebuah penghasilan filem yang menarik semestinya menggarapkan beberapa tema atau menerapkan kepelbagaian genre dalam filem-filem yang dihasilkan tersebut. Hal ini bertujuan untuk menarik perhatian penonton serta bertujuan mempersembahkan suatu hasil karya yang berlainan dan tidak bosan untuk ditonton. Menerusi penghasilan sesebuah filem yang mempunyai kepelbagaian garapan genre yang menarik juga sudah semestinya menerapkan penggunaan bahasa yang baik dan digunakan bagi menyampaikan makna yang terdapat di dalam dialog-dialog yang dilontarkan dalam filem tersebut. Sesebuah filem terdapat pelbagai jenis genre antaranya seperti genre komedi, drama, percintaan, muzikal, dan pelbagai lagi.

Umum mengetahui kebanyakan filem-filem Melayu klasik arahan pengarah tersohor tanah air iaitu Allahyarham P.Ramlee kerap kali mengetengahkan filem-filem klasik bergenre komedi. Menurut Cohen (1988), filem bergenre komedi merupakan salah sebuah filem popular yang berunsur kelakar, lucu, serta diakhiri dengan kegembiraan di samping mempunyai kepelbagaian mesej yang ingin disampaikan kepada khalayak. Komedi menurut falsafah Yunani merupakan sebuah proses dalam membaik pulih kerencatan atau kecacatan yang terkandung dalam sistem kosmologi para ahli fikir. Masyarakat Yunani pada suatu ketika dahulu menggunakan komedi sebagai salah satu medium kritikan yang paling efektif kerana sifat komedi itu sendiri yang tidak tegar atau *rigid* serta ia juga membenarkan segala keganjilan yang berlaku.

Filem-filem bergenre komedi dapat dibahagikan kepada pelbagai bentuk berdasarkan pada jenis visual, watak dan perwatakan, teknik, serta bentuk plot penceritaan. Menurut Robert Sklar (1993), antara pembahagian bentuk filem bergenre komedi adalah seperti filem bergenre komedi slapstik, sandiwara, parodi, serta apa-apa yang disebut sebagai komedi, dan komedi yang mempunyai mesej-mesej sosial. Secara menyeluruh, komedi slapstik menurut Robert Cohen (1988) melibatkan mana-mana aksi fizikal yang lucu yang bukan naratif. Menerusi genre komedi terdapat beberapa subgenre yang lain antaranya seperti parodi, slapstik, *black*, RomCom, kiasan, komedi romantik, satira dan sebagainya.

Pada setiap penghasilan filem terutama filem-filem Melayu klasik yang bertemakan atau bergenre komedi semestinya menerapkan penggunaan bahasa halus yang baik sekaligus dapat memberi pengajaran serta sampai mesej-mesej yang tersirat di dalam filem tersebut. Berdasarkan hasil penelitian bagi kajian dijalankan ini, filem Melayu klasik tahun 60-an yang terpilih bergenre komedi adalah seperti filem Melayu klasik yang berjudul Ali Baba Bujang Lapok. Filem Ali Baba Bujang Lapok ini telah diarahkan oleh pengarah filem tersohor tanah air iaitu P.Ramlee dan mula ditayangkan pada 31 Januari 1961. Filem Melayu klasik Ali Baba Bujang Lapok ini merupakan sebuah filem yang mengisahkan mengenai Ali Baba, seorang yang miskin serta menganggur tidak mempunyai pekerjaan telah menjumpai sebuah gua yang didiami oleh 40 orang penyamun. Terdapat banyak harta serta hasil-hasil yang disamun oleh 40 orang penyamun di dalam gua tersebut. Hal ini secara tidak langsung menjadikan Ali Baba seorang yang kaya raya mengalahkan saudaranya iaitu Kassim Baba. Kassim Baba merasa tercabar dengan hasil kekayaan yang dimiliki oleh Ali Baba dan terus menuju ke gua tempat Ali Baba mengambil segala emas dan harta tersebut. Perkara ini diketahui oleh ketua penyamun dan telah ditangkap dan dipancung kepalanya.

Menerusi filem Melayu klasik Ali Baba Bujang Lapok ini terdapat banyak penggunaan bahasa halus yang diterapkan selain mempunyai pelbagai maksud tersirat yang dapat diambil serta dapat membentuk kesantunan masyarakat. Antara contoh penggunaan bahasa halus yang terdapat di dalam filem Melayu klasik Ali Baba Bujang Lapok ini adalah ketika watak Ali Baba datang ke rumah Abangnya yang bernama Kassim Baba untuk meminjam segantang beras. Pada ketika itu, Marjina yang merupakan hamba atau pembantu di rumah Kassim Baba baru sahaja pulang dari membasuh kain. Antara dialog yang dilontarkan adalah seperti,

MARJINA “kamu ini siapa dan apa hajat kamu kemari?”

ALI BABA “Saya Ali Baba, Saya hendak berjumpa dengan kekanda Kassim Baba.”
(Trankrip ABBL, 2006 : 1200)

Berdasarkan pada petikan dialog yang diambil dari filem Ali Baba Bujang Lapok di atas, hal ini jelas menunjukkan penerapan bahasa halus atau bahasa yang bersopan santun yang dapat dijadikan contoh teladan kepada masyarakat. Hal ini kerana, menerusi petikan contoh dialog di atas menunjukkan penerapan bahasa halus iaitu penggunaan kata “Kekanda” pada ayat “kekanda Kassim Baba”. Kata kekanda menerusi bahasa halus adalah kata ganti bagi kata nama “abang” atau “saudara”. Marjina iaitu pembantu kepada Kassim Baba dengan lemah lembut serta penuh dengan sifat santun bertanya pada Ali Baba walaupun baru sahaja kali pertama bertemu dengan Ali Baba tersebut. Umum mengetahui, bahasa halus merupakan bahasa yang kedengaran lembut bagi menggantikan perkataan-perkataan yang kedengaran kasar atau menyentuh perasaan individu lain. Hal ini demikian seiring dengan pandangan dari Zalila dan Jamilah (1993) yang berpendapat bahawa cerita-cerita jenaka atau komedi merupakan sebuah jalan cerita yang menggunakan penggunaan bahasa yang santai serta

halus di samping membawa unsur kelucuan yang dapat dilihat menerusi perilaku watak-watak, isi cerita, serta gaya bahasa dalam dialog yang dimainkan.

Selain itu, terdapat juga penggunaan bahasa halus di dalam dialog yang dimainkan oleh watak Aloyah isteri kepada Kassim Baba dan juga Norsiah yang merupakan isteri kepada Ali Baba. Ketika itu, Norsiah telah datang ke rumah Kassim Baba bagi meminjam sedikit gandum. Hal ini kerana, Ali Baba tidak mempunyai sebarang pekerjaan serta tidak membenarkan isterinya, Norsiah untuk bekerja. Oleh itu, kehidupan mereka papa kedana sehingga tidak mampu membeli gandum atau makanan sendiri. Antara contoh dialog yang dilontarkan adalah seperti berikut,

ALOYAH “Ada hajat apa kau datang kemari, ya Norsiah?”

NORSIAH “Saya datang hendak meminjam sedikit gandumlah kak.”

ALOYAH “Gandum? Aku tidak berani mahu kasi kau pinjam gandumlah. Tapi nanti dulu, biar aku berjumpa dengan kanda Kassim Baba ya?”

NORSIAH “Baik”

(Transkrip ABBL, 1961 : 1206)

Menerusi lontaran dialog yang dipetik di dalam filem Melayu klasik Ali Baba Bujang Lapok ini dapat dilihat penerapan serta penggunaan bahasa halus di dalamnya. Perkara ini dapat dilihat menerusi penggunaan ayat “apa hajat kau datang kemari?”. Penggunaan ayat tersebut melalui bahasa halus adalah bagi menanyakan tujuan tetamu datang ke rumah. Hajat juga dapat didefinisikan sebagai sebuah keinginan atau tujan seseorang individu. Setiap tutur bicara yang dikeluarkan tidak mengandungi bahasa yang kasar atau kesat yang dapat mengguriskan hati mana-mana pihak. Kesantunan watak Aloyah jelas ditunjukkan melalui penggunaan bahasa halus yang dilontarkan di dalam penuturan katanya apabila beliau dengan sopan bertanya Norsiah hajatnya datang ke rumah Kassim Baba. Aloyah tidak menggunakan

bahasa yang kesat bagi menjaga perasaan Norsiah agar tidak terguris walaupun Aloyah merupakan orang yang kaya.

Selain itu, terdapat juga penggunaan bahasa halus di beberapa babak lain menerusi filem Melayu klasik Ali Baba Bujang Lapuk tersebut iaitu ketika watak isteri Ali Baba, Norsiah pulang ke rumahnya setelah berjaya meminjam secupak gandum di rumah Kassim Baba. Norsiah berasa kecewa dengan sikap serta sifat Ali Baba yang malas mahu mencari kerja di samping sudah berasa malu terhadap keluarga Kassim Baba. Antara lontara dialog yang terkandung penggunaan bahasa halus adalah seperti berikut,

ALI BABA “Eh, apa pasal ni?”

NORSIAH “Kalau kanda tak mahu cari kerja, biarlah dinda keluar dari rumah ini.”

ALI BABA “Hei Norsiah, janganlah dinda bikin kanda hati punya susah. Kalau dinda tak suka lagi kepada kanda, hantarlah kanda balik ke rumah mak bapak kanda”

NORSIAH “Oh, Kalau begitu kanda jadi perempuan ya. Dinda jadi laki-laki. Baik, sekarang biar kanda masak. Dinda cari kerja”

(Transkrip ABBL, 2016 : 1208)

Berdasarkan contoh petikan dialog yang dipetik melalui filem Melayu klasik Ali Baba Bujang Lapuk ini jelas menunjukkan penggunaan bahasa halus dalam filem bergenre komedi tersebut. Antaranya seperti penggunaan kata “kanda” dan “dinda” yang membawa maksud “abang” dan juga “adik”. Ia juga boleh diertikan sebagai kata ganti bagi panggilan suami isteri. Pertuturan kata yang dilontarkan oleh watak Ali Baba untuk memujuk isterinya iaitu watak Norsiah yang penuh sopan dan lemah lembut diselit unsur kelucuan di setiap dialognya. Selain itu, menerusi contoh petikan dialog ini juga jelas menunjukkan kehalusan interaksi antara dua pihak. Menurut Watts et. al berpendapat bahawa kesantunan merupakan

suatu perlakuan bahasa yang digunakan bagi mengekalkan keseimbangan hubungan interpersonal atau interaksi antara dua atau lebih orang dalam sesebuah kumpulan sosial.

Seterusnya, terdapat juga penggunaan bahasa halus di dalam filem Melayu klasik bergenre komedi iaitu file berjudul *Seniman Bujang Lapok* yang telah ditayangkan pada tahun 1961. Filem *Seniman Bujang Lapok* ini mengisahkan mengenai tiga orang bujang iaitu Ramlee, Aziz, dan Sudin yang mencari mata pencarian dengan mencuba nasib menjadi bintang filem. Sebuah studio perfileman telah berjanji kepada mereka bertiga untuk memberi peluang berlakon sekiranya mereka bertiga dapat membuktikan bakat lakonan mereka. Ternyata pada akhirnya mereka bertiga telah menyerlahkan bakat mereka dalam bidang lakonan sekaligus menarik perhatian para pengurus studio tersebut. Antara penggunaan bahasa halus yang dimainkan di dalam filem Melayu klasik *Seniman Bujang Lapok* ini adalah seperti dialog yang dilontarkan oleh pengurus studio bersama tiga orang bujang iaitu Ramlee, Aziz, dan Sudin. Antara contoh dialog tersebut adalah seperti berikut,

PENGURUS STUDIO “Awak bertiga ni, apa hajat datang kemari?”

RAMLEE “Kami bertiga ni hendak jadi bintang filem encik.”

PENGURUS STUDIO “Dulu ada pernah berlakon?”

...

PENGURUS STUDIO “Ahmad, awak bawa surat ini. Awak kasi sama pengarah ahmad Nisfu ya.”

AHMAD “baik encik”

(Transkrip SBL, 2006 : 08)

Menerusi petikan dialog yang diambil dari filem Melayu klasik *Seniman Bujang Lapok* ini dapat dilihat mengenai penggunaan bahasa halus dalam dialog yang dilontarkan tersebut. Hal ini dapat dilihat menerusi penggunaan kata “hajat” yang membawa maksud ingin mengatakan tujuan atau keinginan datang ke studio tersebut. Lontaran dialog oleh pengurus studio juga dilontarkan dengan penuh sopan dan santun bertanya kepada tiga orang

bujang tersebut mengenai hajat mereka bertiga datang ke studio tersebut. Selain itu, mereka bertiga juga menggunakan penggunaan bahasa yang sopan dalam menjawab segala pertanyaan yang ditanya oleh pengurus tersebut. Sesudah pengurus menemu ramah ketiga-tiga orang bujang tersebut, mereka bertiga diterima untuk melakukan *screen test* atau ujian skrin. Perkara ini seiring dengan pendapat yang telah dikemukakan oleh Awang Sariyan (2007). Menurut beliau kesantunan penggunaan bahasa adalah merupakan suatu penggunaan bahasa yang baik, sopan, beradab, serta memancarkan peribadi yang mulia sekaligus menunjukkan rasa hormat kepada individu lain ketika menutur sesuatu bicara.

Seterusnya, terdapat juga contoh petikan dialog lain yang telah diambil menerusi filem Melayu klasik *Seniman Bujang Lapok* ini antara seperti ketika tiga orang bujang lapok iaitu Ramlee, Sudin, dan juga Aziz sedang berada di bilik tatarias untuk menatarias diri mereka sebelum melakukan ujian skrin atau *screen test* oleh pengarah. Sedang mereka sibuk menata rias dan menghafal dialog yang telah diberikan oleh pengarah, maka datanglah pembantu pengarah iaitu saudara Sudarmaji untuk membawa mereka bertiga ke tempat ujian tersebut. Antara petikan dialog yang dilontarkan mereka adalah seperti berikut,

SUDARMAJI “Saudara, apalah sudah jadi? Dialog sudah hafal?”

RAML/AZIZ “Sudah, Encik.”

SUDARMAJI “Ha, mari. *Director* panggil. Mari ikut saya”

(Transkrip SBL, 2006 :11)

Berdasarkan contoh petikan dialog yang dimainkan oleh watak-watak menerusi filem Melayu klasik *Seniman Bujang Lapok* ini jelas menunjukkan kehalusan berbahasa iaitu penggunaan kata “saudara” yang merupakan kata ganti diri kedua yang digunakan atau ditujukan kepada golongan lelaki. Kata ganti nama kedua adalah seperti kata “awak, kamu, anda”. Hal ini jelas menunjukkan sifat bahasa halus yang menggambarkan kesantunan

terutama ketika berbicara serta membuat sapaan. Menurut Teo Kok Seong (2003) berpendapat bahawa penggunaan bentuk bahasa seperti kata, ayat, atau sesebuah rangkai kata yang sopan dan membawa maksud yang baik dan sopan kepada seseorang individu yang diajak bercakap atau diajak mendengar. Kesantunan dalam berbahasa juga bertujuan untuk menunjukkan rasa hormat, disamping menunjukkan kesopanan seseorang yang bercakap agar individu tersebut dianggap berbudi bahasa serta penuh sifat kesantunan dalam diri.

Seterusnya, contoh petikan dialog yang diambil menerusi filem Melayu klasik *Seniman Bujang lapok*. Antaranya ketika ketiga-tiga orang bujang lapok tersebut iaitu Ramli, Sudin, dan juga Aziz sedang sibuk menghafal dialog yang telah diberikan masing-masing di dala bilik bujang mereka. Namun, latihan mereka diganggu oleh jiran sebelah yang merupakan sepasang suami isteri sedang bergaduh. Contoh petikan dialog yang telah dilontarkan oleh mereka menerusi filem Melayu klasik tersebut adalah seperti berikut,

KUS “Kau jangan masuk campur, kau masuk campur juga aku cepuk nanti”

RAMLI “Kita datang bukan nak bergaduh, saudara. Tapi jiran dah tak sabar, saudara terpekik-pekik tengah malam. Tak malukah dekat jiran-jiran sebelah?”

(Transkrip SBL, 2006 :16)

Berdasarkan contoh petikan dialog yang dipetik di salah satu babak dalam filem *Seniman Bujang Lapok* ini jelas menunjukkan penerapan bahasa halus dalam interaksi antara dua orang atau lebih individu iaitu penggunaan kata “saudara” yang menunjukkan atau menggantikan kata ganti nama kedua seperti kata “kamu, anda, dan awak”. Lontaran dialog yang penuh dengan sifat kesantunan dalam memberi teguran dan nasihat secara lembut yang diberikan oleh watak Ramli kepada Kus untuk memperlahankan sedikit suara terutama ketika berlaku sebarang pergaduhan demi menjaga hati kejiranan. Hal ini seiring dengan pendapat Mustafa Hj. Daud (1995), Allah SWT memerintahkan kepada umat Islam agar berbudi

bahasa dengan menggunakan bahasa yang halus dan lembut apabila berkomunikasi dengan manusia lain. Oleh itu, berdasarkan contoh petikan yang dinyatakan tersebut, jelas menunjukkan kesantunan watak Ramli dalam memberi teguran kepada Kus agar menjaga hati kejiwaan kerana mereka tinggal di kawasan kejiwaan. Di samping Ramli juga tidak ingin menimbulkan sebarang perbalahan serta pergaduhan di tempat tersebut.

Oleh hal yang demikian, berdasarkan beberapa contoh petikan dialog yang dipetik di dua buah filem Melayu klasik bergenre komedi tersebut dapat disimpulkan bahawa penggunaan bahasa halus di dalam setiap tutur bicara mampu menunjukkan kesantunan masyarakat terutama masyarakat Melayu. Perkara ini seiring dengan pendapat Muhammad Hj Salleh menerusi Teori Puitika Sastera Melayu (1989) yang meletakkan prinsip keindahan dalam penceritaan sesebuah cerita pelbagai genre. Keindahan dalam penceritaan yang digunakan menerusi filem-filem Melayu klasik terdahulu dengan menerapkan penggunaan bahasa halus di dalam membuatkan sesebuah jalan penceritaan tersebut menjadi lebih menarik di samping dapat menyampaikan makna serta mesej yang baik kepada khalayak yang menonton. Hal ini kerana, penuturan dengan menggunakan bahasa-bahasa halus atau bahasa-bahasa yang lebih sopan yang diterapkan dalam tutur bicara mahupun ketika menyapa atau menegur seseorang individu dapat memupuk identiti masyarakat yang lebih bersopan sekaligus dapat menjaga perasaan serta tidak menyinggung hati individu lain

4.2.2 GENRE DRAMA

Drama merupakan sebuah karya yang dipersembahkan serta dilakonan oleh pelakon di kaca televisyen, stesen radio, pentas, dan sebagainya. Drama juga merupakan salah satu karya kreatif yang mengandungi aspek sastera dan juga aspek teater. Merujuk kepada aspek sastera, drama merupakan sebuah karya cerita yang meliputi pelbagai unsur-unsur karya kreatif seperti plot, watak, latar, pemikiran, serta bahasa. Manakala menerusi aspek teater pula, drama dilihat sebagai sebuah hasil pementasan. Drama juga merupakan sebuah genre yang menyusun serta melukis aktiviti kehidupan masyarakat dengan menggunakan pelbagai tindakan, kepelbagaian permainan watak bersesuaian yang dekat dan mampu memukau penonton, serta penggunaan dialog. Menurut Endraswara (2003) berpendapat bahawa drama merupakan sebuah kreativiti unsur seni yang dapat menarik perhatian penonton.

Drama turut dapat didefinisikan sebagai sebuah genre yang menggambarkan watak-watak yang realistik serta ia memberi lebih tumpuan terhadap perkembangan watak. Menurut Sharif Shaary dalam Mohammad (1994) telah menghuraikan bahawa drama merupakan salah sebuah genre kesusasteraan yang berbentuk prosa atau puisi yang menjadikan para pelakon mengambil alih peranan watak bagi memainkan setiap aksi yang diarahkan dan melafazkan setiap dialog skrip yang telah dihafal. Drama merupakan salah satu genre sastera yang membentangkan watak-watak yang realistik bagi menangani sesuatu konflik atau sesebuah perjuangan yang bersifat realistik. Watak-watak yang dimainkan kebiasaannya merupakan cerita yang serius dengan tatapan situasi yang bercanggah dengan diri para pelakon, masyarakat, atau daya alam.

Drama juga merupakan salah sebuah genre sastera yang terbesar. Hal ini kerana, genre drama meliputi pelbagai hal kerja. Setiap penghasilan karya sastera semestinya menggarapkan pelbagai tema subjek yang berbeza antaranya drama jenayah, drama undang-undang, romantis, drama seram, drama sejarah, melodrama, dan sebagainya. Tema berunsur dramatik merangkumi permasalahan isu semasa, isu rasuah, perkauman, intoleransi agama, kemiskinan, ketidaksamaan seksual, alkoholisme, kebimbangan yang tidak menentu, pelbagai permasalahan masyarakat, dan sebagainya. Genre drama juga ada membentangkan perkembangan emosi serta hubungan watak realistik dalam suasana yang realistik. Filem yang bergenre dramatic menggambarkan perkembangan watak yang sengit dengan menceritakan kisah yang berkaitan masyarakat yang realistik dan jujur. Tujuan utama drama juga memindahkan penonton secara emosi.

Umum mengetahui setiap penghasilan sesebuah karya filem terutama filem Melayu klasik semestinya ada menggarapkan penggunaan serta penerapan bahasa halus atau bahasa yang kedengaran sopan dalam setiap dialog yang dimainkan dalam filem Melayu klasik tersebut. Antara filem Melayu klasik bergenre drama yang dipilih menerusi kajian ini iaitu filem Melayu klasik berjudul Antara Dua Darjat yang diarahkan oleh seniman Tanah Air iaitu Allahyarham P.Ramlee pada Mei 1960. Antara Dua Darjat mengisahkan mengenai percintaan Ghazali dengan Tengku Zaleha yang dihalang keras oleh Ayahanda Tengku Zaleha iaitu Tengku Karim akibat berbeza darjat dan keturunan. Akibat mementingkan darjat dan keturunan, Tengku Zaleha dipisahkan daripada Ghazali dengan cara kekerasan iaitu Ghazali dibelasah teruk oleh Tengku Hassan, abang tiri kepada Tengku Zaleha. Tengku Zaleha disuntik sehingga pengsan dan dibawa lari ke Singapura. Tengku Zaleha disangka mati oleh Sudin iaitu sepupu kepada Ghazali dan kawan-kawannya. Namun, Ghazali tidak

mempercayainya. Konflik penceritaan penuh putaran plot yang tidak dijangka menjadikan filem Melayu klasik Antara Dua Darjat ini menarik perhatian masyarakat serta mengandungi pelbagai mesej pengajaran yang dapat diambil.

Menerusi filem Melayu klasik ini, terdapat penggunaan bahasa halus yang diterapkan serta dapat diambil dan dijadikan tauladan bagi masyarakat dalam menggunakan bahasa yang indah serta sopan dalam pertuturan harian. Antara contoh petikan yang dipetik adalah seperti berikut,

TENGGU AZIZ “Tengku Mukri, sudah berapa lamakah rumah ini tidak diduduki orang?”

TENGGU MUKRI “ada lebih kurang setahun”

TENGGU AZIZ “lama juga ya. Kata orang-orang tualah kalau rumah yang begini besar ditinggal-tinggalkan, maka bermaharejalelalah hantu-hantu”

(Transkrip ADD, 2006 : 538)

Menerusi petikan dialog yang dipetik di dalam salah satu babak filem Melayu klasik Dua Darjat ini iaitu dialog antara Tengku Aziz bersama Tengku Mukri. Terdapat beberapa penggunaan bahasa halus yang diterapkan iaitu kata “bermaharajalela” yang membawa maksud menetap atau berbuat sesuka hati. Petikan ayat dalam dialog yang dilontarkan juga penuh sopan serta santun. Ia tiada membawa unsur-unsur yang menyinggung perasaan atau menyakitkan hati sesiapa. Hal ini seiring dengan objektif utama bahasa halus iaitu bahasa yang kedengaran sopan tanpa menyinggung perasaan individu lain.

Selain itu, terdapat juga contoh dialog yang turut dipetik menerusi filem Melayu klasik Antara Dua Darjat iaitu ketika watak Ghazali pulang ke rumahnya dalam keadaan kusut dan basah terkena hujan setelah mengunjungi rumah Tengku Zaleha. Ghazali duduk di tingkap rumahnya sambil mengimbau kembali dan menceritakan kepada Sudin akan kisah ketika beliau pertama kali berjumpa dan jatuh hati kepada Tengku Zaleha.

GHAZALI “Hujan, hujan memang pembawa riwayat. Aku masih teringat dengan jelas pada hari yang membawa kenangan. Ketika itu, hujan turun dengan lebat.”
(Transkrip ADD, 2006 : 541)

Menerusi dialog yang dilontarkan oleh Ghazali kepada Sudin setelah Ghazali pulang dari rumah besar milik Tengku Zaleha. Bahasa halus yang terkandung dalam petikan dialog tersebut antaranya ialah penggunaan kata “riwayat” yang dimaksudkan oleh Ghazali tersebut adalah merupakan kisah atau cerita yang telah dialami oleh seseorang di sesuatu tempat. Ia juga merupakan sebuah sejarah yang bermakna bagi kehidupan seseorang. Hal ini kerana, hujan mengingatkan kisah pertemuan beliau bertemu cinta pertamanya iaitu Tengku Zaleha. Bahasa halus seterusnya iaitu hari yang membawa kenangan yang dimaksudkan oleh Ghazali iaitu hari yang mengingatkan Ghazali akan kejadian pertama kali bertemu Tengku Zaleha iaitu ketika Ghazali bersama rakan-rakannya membantu menolak kereta ketika musim hujan.

Seterusnya, terdapat juga contoh petikan dialog lain yang menggarapkan penggunaan bahasa halus. Antaranya ketika Tengku Zaleha pulang ke rumahnya dalam keadaan basah kuyup terkena hujan dek kerana kereta dipandu oleh pembantunya rosak di tengah jalan. Contoh petika dialog adalah seperti berikut,

TENGGU KARIM “Tengku Zaleha! Jangan beri malu nama Ayahanda tau! Kamu itu Tengku, berdarah mulia tidak layak kamu bercampur gaul dengan pemuda-pemuda yang bukan keturunan darah Diraja tau!”
(Transkrip ADD, 2006 : 543)

Berdasarkan petikan dialog yang dinyatakan di atas jelas menunjukkan penggunaan bahasa halus iaitu seperti perkataan “berdarah mulia”. Maksud “berdarah mulia” yang dikatakan oleh Tengku Karim kepada tengku Zaleha adalah bagi melambangkan keturunan Tengku Karim merupakan keturunan Diraja yang dihormati oleh masyarakat. Tengku Karim

memarahi Tengku Zaleha kerana Tengku Karim ingin menjaga keturunan serta darja mereka sebagai berketurunan raja. Menerusi petikan dialog tersebut jelas menunjukkan kehalusan berbahasa yang digunakan oleh masyarakat terdahulu dalam mencipta dialog. Hal ini demikian kerana, penggunaan bahasa halus dalam dialog-dialog filem Melayu klasik menunjukkan tatacara sifat kesopanan masyarakat dalam berbahasa walau dalam keadaan marah serta pelbagai situasi emosi sekalipun. Namun, masih terselit keindahan bahasa halus yang digunakan dalam tutur bicara mereka.

Selain itu, terdapat juga petikan dialog yang diambil dalam filem Melayu klasik berjudul Ibu Mertuaku. Hal ini dapat dilihat ketika watak Sabariah menelefon stesen radio tempat Encik Kassim bekerja bagi bercakap dengan Kassim Selamat sekaligus menyampaikan luahan hatinya iaitu Sabariah amat mengagumi kemerduan suara serta bakat Kassim Selamat dalam bernyanyi serta bermain alat muzik sexofon. Antaranya dialog yang dilontarkan adalah seperti berikut,

SABARIAH “Encik Kassim, saya selalu mendengar suara Encik Kassim. Suara sexofon Encik Kassim sungguh merdu menawan hati.”

(Transkrip IMK,2006 :1276)

Berdasarkan contoh petikan dialog yang telah dinyatakan di atas jelas menunjukkan keindahan penggunaan bahasa halus yang terkandung dalam dialog yang dilontarkan oleh Sabariah ketika menelefon Kassim bagi memberitahu mengenai kemerduan suara Kassim Selamat ketika bernyanyi iaitu dengan menggunakan ayat “menawan hati”. Kata menawan dapat membawa makna menangkao atau menahan musuh. Namun, menerusi ayat “menawan hati” ini ingin memberi makna berjaya menambat hati atau menarik perhatian seseorang. Bakat dan kelebihan Kassim Selamat dalam bermain alat muzik sexofon telah memikat hati

Sabariah. Setiap kali suara Kassim Selamat muncul di radio, sudah semestinya Sabariah akan terlebih dahulu mendengar suara Kassim Selamat yang merdu dan meruntun jiwanya tersebut.

Selain itu, terdapat juga penggunaan bahasa halus yang diterapkan dalam dialog yang dimainkan dalam filem Melayu klasik Ibu Mertua-Ku. Hal ini dapat dilihat ketika Hayati dan Ismadi telah melawat Nyonya mansoor yang sedang mengalami masalah kesihatan yang lemah. Nyonya Mansoor telah bertanya pada Ismadi mengenai masa depan Ismadi bersama Sabariah. Contoh petikan dialog yang dilontarkan oleh watak adalah seperti berikut,

NYONYA MANSOOR “Asmadi, betulkah kamu tidak mahu berkahwin?”

ISMADI “Ya makcik, saya sebenarnya...Saya telah mengambil keputusan...kalau saya tidak dapat memperisterikan Sabariah, saya akan terus membujang sehingga ke akhir hayat saya.”

(Transkrip IMK, 2006 : 1299)

Berdasarkan petikan dialog yang telah dinyatakan di atas jelas menunjukkan penggunaan bahasa halus yang digunakan dalam dialog yang dibualkan oleh Nyonya mansoor bersama Dr Ismadi iaitu penggunaan kata “memperisterikan” yang membawa maksud menjadikan seseorang individu sebagai isteri atau suri hatinya. Ketika itu, Dr Ismadi telah mengetahui bahawa Sabariah tidak mencintai dirinya dan mencintai penyanyi terkenal Kassim Selamat. Dr Ismadi telah berserah kepada takdir selepas ditolak pinangannya oleh Sabariah. Namun, ibu kepada Sabariah iaitu Nyonya Mansoor amat kecewa dengan keputusan Sabariah yang menolak pinangan Dr ismadi. Hal ini kerana, Dr Ismadi mempunyai pekerjaan yang hebat dan disanjung oleh masyarakat luar berbanding pekerjaan yang dilakukan oleh Kassim Selamat iaitu seorang penyanyi.

Contoh petikan dialog seterusnya yang terkandung dalam filem Ibu Mertua-Ku adalah ketika watak Sabariah dan Kassim telah selamat bernikah dan membawa haluan mereka ke Singapura berjauhan dengan keluarga masing-masing. Contoh petikan dialog tersebut adalah seperti berikut,

KASSIM “Sabariah, janganlah kau bimbang lagi, Sabariah.”

SABARIAH “Oh abang Kassim. Aku tidak akan gentar menempuh penghidupan, asalkan kau selalu disampingku.”

(Transkrip IMK, 2006 : 1291)

Berdasarkan contoh petikan dialog yang dinyatakan di atas menunjukkan penggunaan bahasa halus yang terkandung dalam dialog yang dimainkan oleh watak Kassim dan Sabariah menerusi filem Melayu klasik berjudul Ibu Mertua-Ku ini. antaranya seperti kata “*aku tidak gentar menempuh penghidupan*” yang membawa maksud watak Sabariah yang tidak takut atau merasa resah dalam meneruskan kehidupan sehariannya asalkan Kassim tetap berada disisinya sepanjang kehidupannya. Menerusi petikan dialog ini juga jelas menunjukkan kehalusan bahasa dalam meluahkan sesuatu.

Secara keseluruhannya, berdasarkan beberapa contoh-contoh yang telah dikemukakan berkaitan penerapan bahasa halus yang terkandung dalam filem Melayu klasik bergenre drama tersebut jelas menunjukkan bahawa penggunaan bahasa halus dalam tutur bicara sangat memainkan peranan yang penting terutama dalam membentuk kesantunan masyarakat. Selain ia juga merupakan sebuah bahasa yang membentuk kelainan dan keistimewaan tersendiri seiring dengan pendapat Asmah Hj Omar (1996) yang berpendapat bahawa kelainan kesopanan seseorang dibezakan melalui kehalusan bahasa serta darjah kesangatan kesopanan yang terkandung dalam diri individu tersendiri. Hal ini kerana, ia seiring dengan objektif utama bahasa halus itu sendiri iaitu sebuah kehalusan bahasa yang

berfungsi untuk tidak menyinggung perasaan individu lain terutama ketika menutur bicara. Berdasarkan pendapat Asmah Hj Omar (1996) iaitu penggunaan bahasa yang tidak menimbulkan sebarang kegusaran, kemarahan, permasalahan atau rasa kecil hati dari seseorang individu dapat ditakrifkan sebagai penggunaan bahasa sopan.



4.2.3 GENRE MUZIKAL

Genre muzikal merupakan salah sebuah genre yang terkandung dalam penghasilan karya kreatif termasuk filem. Menurut Plemenitas (2016) menjelaskan mengenai ciri dan fungsi lagu amat penting dalam penghasilan filem muzikal kerana filem muzikal, lagu dalam non-diegetic iaitu muzik yang berasal dari luar dunia filem merupakan sebahagian daripada struktur penceritaan sesebuah karya kerana ia berfungsi sama penting dengan pengucapan dialog. Penggunaan bahasa dalam lantunan lagu dan muzik menerusi filem bergenre muzikal juga memainkan peranan penting bagi memastikan khalayak yang menonton filem tersebut menyukai watak serta memahami jalan cerita serta mesej yang ingin disampaikan. Perkara ini telah dinyatakan oleh Fatma Khaled (2008) iaitu setiap lagu akan mempengaruhi emosi individu masyarakat yang menonton sama ada gembira, sedih, marah, takut, dan sebagainya. Emosi turut mendorong individu bagi meneruskan tontonan sesebuah filem dari awal penceritaan sehingga tamat filem tersebut.

Menerusi penggunaan bahasa halus menerusi filem Melayu klasik bergenre muzikal ini dapat dilihat menerusi filem yang berjudul Ibu Mertua-Ku. Filem Melayu klasik Ibu Mertua-Ku mengisahkan mengenai seorang gadis bernama Sabariah telah jatuh cinta terhadap seorang pemuzik terkenal iaitu Kassim Selamat. Namun, percintaan mereka dihalang oleh ibu Sabariah yang bernama Nyonya Mansoor kerana kedudukan darjat yang tidak sama taraf. Hal ini kerana Nyonya Mansoor ingin menjodohkan Sabariah bersama Doktor Ismadi. Bagaimanapun, Kassim Selamat tetap menikahi Sabariah dan membawa Sabariah berpindah dari Singapura ke Pulau Pinang bagi memulakan kehidupan yang baru. Apabila Sabariah mengandung, Nyonya Mansoor telah datang menemui Sabariah dan ingin

membawa Sabariah pulang semula ke Singapura kerana kehidupan Sabariah di Pulau Pinang yang serba kekurangan. Kassim Selamat merasa sedih menangis siang dan malam sehingga buta.

Antara contoh petikan dialog berunsur muzikal yang dipetik menerusi filem Melayu klasik berjudul Ibu Mertua-Ku adalah ketika watak kassim Selamat memainkan alat muzik saxofon sambil diiringi alunan muzik dari ahli pancaragamnya. Kemudian Kassim Selamat mendendangkan nyanyian seperti berikut,

KASSIM

“Andai dinda pergi
Daku teman tiada
Meratap sunyi
Hampa merana
O...o...jangan tinggal daku
O...Dewi...o...manisku
kanda rindu selalu
senyuman yang manis bermadu

(Transkrip IMK, 2006 : 1273)

Menerusi contoh petikan yang dipetik melalui filem Melayu klasik Ibu Mertua-Ku terdapat penggunaan bahasa halus yang diterapkan. Melalui lirik lagu yang telah dinyanyikan oleh Kassim Selamat terdapat mesej yang disampaikan iaitu seseorang yang meratapi kesunyian serta pemergian cinta hatinya. Seperti contoh ayat “*Andai dinda pergi, Daku teman tiada*” yang dapat diertikan sebagai seseorang yang akan merasa kesunyian jika cinta hatinya pergi meninggalkan dirinya. Dirinya akan merasa kesunyian. Ayat “*Kanda rindu selalu, senyuman yang manis bermadu*” yang membawa maksud dirinya amat merindui senyuman dan segala kenangan yang telah dicipta bersama. Oleh itu berdasarkan contoh petikan dialog yang dinyatakan tersebut, jelas menunjukkan unsur kehalusan bahasa dari segi

menyampaikan sesuatu mesej secara tidak langsung kepada pendengar iaitu menerusi sebuah nyanyian lagu. Perkara ini seiring dengan pendapat dari Fatimah Subet (1999) iaitu mesej perbualan yang tidak disampaikan secara langsung merujuk kepada mesej terselindung, mesej tersirat, mesej secara implisit, cakap berlapik, berkias, serta beberapa ungkapan khas yang terselindung.

Selain itu, antara contoh petikan yang turut dipetik menerusi filem Melayu klasik Ibu Mertua yang berkait dengan penerapan bahasa halus dalam filem bergenre muzikal adalah seperti,

KASSIM

“Tak sanggupku berpisah
Dan berhati patah
Hidup gelisah
Alangkah sedih rasa hati
Selama kau pergi
Tinggalku sendiri
Tiada berteman dalam kesepian”

(Transkrip IMK, 2006 : 1311)

Berdasarkan contoh petikan lirik lagu yang telah dinyanyikan oleh Kassim Selamat menerusi filem Melayu klasik Ibu Mertua-Ku iaitu “*Tak sanggupku berpisah, dan berhati patah*” yang membawa maksud seseorang yang tidak sanggup lagi untuk berpisah dengan kekasih hatinya serta tidak sanggup lagi dirinya untuk menghadapi penderitaan akibat terpaksa berjauhan dengan cinta hatinya. Selain itu, contoh ayat dari petikan lirik lagu tersebut iaitu “*Selama kau pergi, tinggalku sendiri, tiada berteman dalam kesepian*” yang membawa maksud seseorang yang merasa kesunyian akibat ditinggalkan oleh kekasih hatinya. Penggunaan bahasa halus yang diterapkan menerusi contoh petikan dialog ini juga jelas menunjukkan keindahan yang tersendiri dalam mengungkap serta menyampaikan

sesuatu mesej iaitu kesedihan apabila ditinggalkan oleh kekasih hati. Hal ini seiring dengan pendapat Muhammad Hj Salleh (1989) yang berpendapat mengenai sesuatu ungkapan yang menzahirkan kesedihan dalam setiap isi kandungan hasil-hasil karya Melayu klasik mempuntai keindahan serta mesej tersendiri.

Selain itu, terdapat juga contoh petikan dialog yang berunsur muzikal menerusi filem Ibu Mertua-Ku ini iaitu ketika watak Sabariah dan Kassim Selamat telah selamat disatukan. Pada malam itu di sebuah kelab, terdapat seorang wanita menyanyikan sebuah lagu diiringi alunan muzik. Sabariah dan Kassim Selamat menari dengan penuh gembira dan bahagia. Contoh petikan diaog tersebut adalah seperti berikut,

PENYANYI
“Menambah rasa cinta,
Dalam lubuk jiwaku
Lagaknya dia
Menarik perhatianku”

(Transkrip IMK, 2006 : 1296)

Berdasarkan contoh petikan dialog menerusi filem Melayu klasik Ibu Mertua-Ku yang telah dinyatakan di atas menunjukkan penggunaan bahasa halus dalam menyampaikan rasa cinta terhadap seseorang. Kata “*menambah rasa cinta, dalam lubuk jiwaku*” merujuk kepada perasaan atau rasa cinta dan kasih terhadap seseorang itu semakin bertambah dan semakin mekar di dalam benak jiwa atau hati. Hal ini demikian kerana perlakuannya atau gerak-gerinya menarik perhatian seseorang sehingga individu tersebut jatuh hati kepadanya seperti dalam kata “*Lagaknya dia, menarik perhatianku*”. Keindahan penggunaan bahasa halus yang terkandung menerusi dialog yang dimainkan dalam filem Melayu klasik Ibu Mertua-Ku ini menyampaikan seribu satu mesej tersirat yang indah sekaligus dapat membuka mata masyarakat yang mendengar.

Seterusnya, terdapat juga contoh petikan lirik lagu yang dipetik dari filem Melayu klasik bergenre muzikal iaitu filem Antara Dua Darjat. Contoh petikan lirik lagu tersebut adalah seperti berikut,

GHAZALI
“Sayup terdengar alunan biola
Bergema ditengah dengan irama
Lemah lembut dibawa buana
Di angkasaraya
Merdu mesra diiringi suara
Nyanyian yang menggetarkan di jiwa”

(Transkrip ADD, 2006 : 541)

Berdasarkan contoh petikan lirik lagu yang dipetik menerusi filem Melayu klasik yang dinyatakan di atas terdapat beberapa penggunaan bahasa halus yang disampaikan. Antaranya seperti petikan ayat “*Sayup terdengar alunan biola, bergema ditengah dengan irama*” yang membawa maksud keindahan alunan alat muzik biola yang terdengar sayup bergema atau bertalun bersama irama muzik yang dihasilkan menerusi alunan gesekan biola tersebut. Selain itu, contoh ayat “*Lemah lembut dibawa buana, di angkasaraya, merdu mesra diiringi suara, nyanyian yang menggetarkan di jiwa*” yang membawa maksud setiap alunan biola yang dimainkan bergema lembut ke seluruh suasana di tempat tersebut diikuti alunan merdu suara penyanyi yang bernyanyi di kawasan tersebut. Selain diiringi suara merdu nyanyian dari penyanyi yang mampu membuat pendengar bergetar jiwa mendengar kemerduan suaranya.

Selain itu, antara contoh petikan lirik lagu yang turut dipetik menerusi filem Melayu klasik Antara Dua Darjat adalah seperti berikut,

Tau jaga dirimu tak ternoda
Ingatlah hai...remaja
Hidup penuh goda
Kalau kurang waspada
Sesal tak berguna

(Transkrip ADD, 2006 :)

Berdasarkan contoh petikan di atas jelas menunjukkan keindahan bahasa halus yang semestinya mempunyai maksud tersirat yang ingin disampaikan. Antara contoh petikan lirik lagu tersebut seperti ayat *“hidup penuh goda, kalau kurang waspada, sesal tak berguna”*. Menerusi ayat ini jelas membawa maksud pesan terhadap masyarakat terutama para remaja agar sentiasa menjaga akhlak serta diri sendiri dari terjerumus dengan segala keburukan yang mampu merugikan diri sendiri pada masa akan datang. Hal ini berikutan kerana, jika menyesal di kemudian hari sudah tiada gunanya lagi ibarat nasi sudah menjadi bubur. Penggunaan bahasa yang indah dari segi memberi teguran yang disampaikan dalam bentuk nyanyian lagu sedikit sebanyak mengurangkan rasa sakit hati serta mengurangkan juga sifat menyimpan dendam terhadap seseorang. Hal ini seiring dengan konsep sebenar penggunaan bahasa halus dalam membentuk kesantunan masyarakat iaitu penggunaan bahasa yang tidak menimbulkan rasa marah atau mengguris hati seseorang seperti pendapat yang diutarakan oleh Asmah Hj Mohd (2006) iaitu kesantunan berbahasa sebagai bahasa yang tidak menyebabkan kemarahan dan kegusaran pendengar apabila berkomunikasi.

Oleh yang demikian, menerusi antara beberapa contoh yang telah dikemukakan di atas dapat dirumuskan bahawa keindahan penggunaan bahasa halus menerusi filem bergenre muzikal selain dapat menunjukkan keindahan dalam berbahasa, penggunaan bahasa halus juga mampu menarik perhatian penonton serta penonton juga dapat mengekspresikan emosi masing-masing sepanjang menonton filem Melayu klasik tersebut. Hal ini seiring dengan pendapat yang telah dikemukakan oleh Fatma Khaled (2018) iaitu penggunaan bahasa dalam lirik lagu mampu mempengaruhi emosi masyarakat yang menonton serta mampu menarik perhatian penonton untuk menonton sesebuah filem tersebut dari awal hingga tamat penceritaan. Selain itu juga penggunaan bahasa halus dalam petikan lirik lagu menerusi filem bergenre muzikal ini juga mampu menarik perhatian penonton yang menonton. Hal ini kerana penonton dapat menonton filem sambil mendengar lagu selain menghayati setiap makna yang tersirat menerusi lirik lagu tersebut.

Secara keseluruhannya, menerusi beberapa penggarapan genre yang terkandung dalam filem-filem Melayu klasik ini jelas membuktikan bahawa kepelbagaian genre dalam sesebuah penghasilan filem terutama filem Melayu klasik tidak membataskan penggunaan serta penerapan keindahan bahasa halus dalam setiap dialog yang dimainkan. Hal ini seiring dengan dasar Teori Puitika Sastera Melayu yang mula digagaskan oleh Muhammad Haji Salleh (1989) berasaskan kepada beberapa aspek utama. Aspek utama yang diutarakan oleh Muhammad Haji Salleh menerusi Teori Puitika Sastera Melayu ini termasuklah dari aspek genre. Keindahan penggunaan bahasa halus menerusi kepelbagaian genre filem Melayu klasik juga dapat menunjukkan kepada khalayak penonton terutamanya akan keunikan serta keistimewaan nilai kesantunan masyarakat Melayu terdahulu terutama apabila menyampaikan sesuatu kata-kata

4.3 PEMBENTUKKAN KESANTUNAN MASYARAKAT MELAYU

4.3.1 Pemikiran Masyarakat

Pemikiran merupakan salah satu medium yang menyumbang kepada penyampaian sesuatu maklumat seseorang individu kepada individu yang lain. Ia juga merupakan salah satu perkara yang penting bagi manusia. Hal ini demikian kerana ia merupakan salah satu identiti yang berbeza bagi setiap individu. Menurut Rajendran (2010) berpendapat bahawa pemikiran penting bagi kehidupan harian seseorang individu. Berikut demikian kerana, menerusi pemikiran setiap individu dapat mengumpul pelbagai maklumat serta memahami dan mampu untuk menilai setiap perkara sama ada perkara tersebut merupakan suatu perkara yang baik atau tidak baik. Sekaligus ia juga mampu memberi refleksi tindakan serta dapat membuat keputusan dengan lebih tepat. Selain itu menurut Guilford (1967) pula berpendapat bahawa pemikiran merupakan sesuatu kebolehan atau keupayaan seseorang individu. Hal ini kerana, seseorang individu tersebut mempunyai pelbagai kemahiran dalam berfikir.

Sebagai seorang individu manusia yang hidup dalam sebuah kelompok masyarakat semestinya diberikan kelebihan berbanding makhluk-makhluk yang lain. Hal ini disebabkan kerana seseorang individu dikurniakan sebuah akal fikiran yang mampu menilai antara perkara baik serta perkara yang tidak baik, selain dapat mentadabbur serta memikirkan sesuatu perkara secara rasional. Bahkan, melalui pemikiran juga mampu memberi kekuatan kepada individu dalam berhadapan dengan segala cabaran serta liku-liku kehidupan dalam mencapai matlamat yang diinginkan. Berfikir secara positif hakikatnya mampu mengelak diri dari bersifat suka bermusuhan, persengketaan, ketidakpuasan hati terhadap manusia lain,

serta mampu mengelak dari bersifat dendam terhadap individu lain. Pemikiran masyarakat yang positif juga mampu membentuk kebudayaan serta memajukan nilai moral dalam diri masyarakat.

Berdasarkan Hamzah Ya'kub (1978) menerusi buku yang berjudul Etika Islam ada menerangkan bahawa istilah moral berasal dari bahasa Latin iaitu "*mores*" iaitu kata ganda dari perkataan "*mos*" yang membawa maksud adat kebiasaan. Manakala, menurut Ee Ah Meng (1988) menjelaskan bahawa moral merangkumi tingkah laku seseorang individu yang bersesuaian dengan adab, tatasusila, kesantunan, serta peraturan bagi sesebuah masyarakat. Beliau juga menambah istilah moral ini dapat digunakan menerusi situasi-situasi seperti menentang sesuatu keinginan bagi suatu tingkah yang dianggap salah dan bertentangan dengan yang baik, kawalan tingkah laku yang dihayati oleh seseorang individu, serta tingkah laku yang bersandarkan pada prinsip-prinsip rasional atau sebab penerimaan yang difahami dan dirasakan berpatutan pada individu tersebut.

Berdasarkan beberapa contoh-contoh bahasa halus yang dipetik dari beberapa buah filem Melayu klasik ini terdapat beberapa penggunaan bahasa halus yang dapat membentuk pemikiran masyarakat ke arah yang lebih positif khususnya membentuk pemikiran positif dari aspek moral masyarakat. Antaranya seperti yang terkandung dalam filem Melayu klasik berjudul Antara Dua Darjat iaitu ketika watak Drebar atau pemandu bagi Tengku Zaleha meminta pertolongan dari Ghazali serta rakan-rakannya ketika mereka sedang asyik berlath bermain alat muzik mereka. Pada waktu itu, hujan turun dengan lebat. Kereta milik tengku Zaleha telah masuk dan terperangkap di dalam lumpur. Antara petikan dialog yang dilontarkan oleh watak pada ketika itu adalah seperti berikut,

GHAZALI “Nak minta tolong apa, Encik?”

DREBAR “Ah, kereta tuan saya termasuk lumpur. Jadi, saya datang ke mari minta ramai-ramai tolakkan kereta itu”

GHAZALI “Oh, baiklah”

(Transkrip ADD, 2006 : 541)


Berdasarkan contoh petikan yang telah dipetik menerusi filem Melayu klasik Antara Dua darjat ini jelas menunjukkan penerapan bahasa halus yang dapat membentuk pemikiran masyarakat khususnya masyarakat Melayu ke arah yang lebih positif terutama dari aspek membentuk kesantunan moral masyarakat. Perkara ini dapat dilihat menerusi ayat yang dilontarkan oleh watak Ghazali iaitu “*nak minta tolong apa, Encik?*”. Ayat tersebut diluahkan dalam satu intonasi yang lembut serta penuh sopan dan santun. Di samping menunjukkan sifat pemikiran masyarakat yang sentiasa mendahului perkara-perkara yang baik terutama dalam memberi pertolongan serta ia juga secara tidak langsung menggambarkan kesantunan masyarakat dalam menanyakan permasalahan kepada seseorang dalam intonasi atau keadaan yang sopan serta penuh santun.

Secara keseluruhannya, berdasarkan daripada penggunaan bahasa halus yang terkandung dalam filem Melayu klasik ini dapat membentuk kesantunan dari segi pemikiran masyarakat yang merangkumi aspek moral masyarakat. Hal ini seiring dengan Teori Puitika Sastera Melayu yang telah digagaskan oleh Muhammad Haji Salleh (1989) yang meletakkan beberapa ciri-ciri mendepani teras Puitika Sastera Melayu ini antaranya keindahan dalam mendidik dan mengajar. Ia termasuklah hasil jalan cerita setiap karya termasuk penghasilan filem terutama filem Melayu klasik dapat memberi mesej serta pengajaran kepada khalayak sekaligus dapat dijadikan sebagai contoh teladan kepada masyarakat agar menerapkan sifat


santun terutama ketika berbicara atau menutur kata dengan menggunakan bahasa halus atau bahasa yang lebih baik dan indah.



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN

4.3.2 Tingkah Laku

Kesantunan dari aspek tingkah laku merujuk kepada tatacara tindakan atau gerak geri seseorang individu ketika berhadapan dengan sesuatu atau menghadapi situasi tertentu. Tingkah laku juga merupakan suatu gerak-geri, kelakuan, segala perbuatan, atau perangai yang melibatkan kegiatan motor seperti berjalan, berinteraksi, memberi tindak balas, berlari, atau segala respon terhadap sesuatu perkara sama ada dalam keadaan sedar mahupun tidak sedar. Menurut Lewis M. Beaker (2001), beliau berpendapat bahawa tingkah laku merujuk kepada sesuatu tindakan yang seseorang individu lakukan sama ada dari segi cara beliau berinteraksi, beraksi, atau bertindak balas terhadap persekitaran sekitarnya. Manakala, berdasarkan Kamus Dewan Edisi Kedua (2017) tingkah laku dapat didefinisikan sebagai sesuatu kelakuan atau gerak-geri.

Kehalusan dalam berbahasa mampu membentuk kesantunan tingkah laku masyarakat kearah yang lebih baik. Menurut Asmah Haji Omar (2007) terdapat pelbagai ungkapan dalam bahasa Melayu yang menggambarkan tingkah laku masyarakat dan dianggap sopan dan santun. Menurut Amat Juhari Moain (2001) penggunaan bahasa yang sopan dan baik merupakan unsur penting dalam kehidupan masyarakat terutama masyarakat Melayu yang diasaskan daripada tingkah laku serta penggunaan kata-kata yang dipilih dengan cermat.

Akhlak seseorang individu juga tergolong dalam kategori tingkah laku manusia. Kata akhlak diambil dari kata jama' Arab iaitu "*khuluq*" yang membawa maksud sesuatu tabiat, adat, gaya hidup, atau sifat semula jadi seseorang individu. Dari segi istilah pula, menurut Ibnu Miskawaih akhlak merujuk kepada sesuatu hal atau situasi yang mendorong seseorang

individu bagi melakukan sesuatu perbuatan tanpa berfikir serta merencanakannya dengan rapi dan tersusun. Beliau menambah lagi akhlak juga merujuk pada sesuatu perbuatan yang spontan atau sesuatu perbuatan yang telah tertanam dalam diri setiap individu. Manakala, berdasarkan pandangan Imam Al-Ghazali mengenai akhlak iaitu ia merujuk kepada sikap yang telah tertanam dalam diri seseorang. Akhlak tidak mempunyai kaitan dengan ilmu seseorang. Hal ini kerana, seseorang yang berilmu itu tidak menentukan sama ada individu tersebut berakhlak mahupun tidak.

Penggunaan bahasa halus yang baik, serta tidak mengguriskan hati mana-mana individu merupakan satu aspek yang penting dan praktikal untuk diadaptasikan bagi setiap golongan sasaran bukan sahaja dalam kalangan masyarakat Islam bahkan dalam kalangan masyarakat bukan Islam terutama masyarakat Melayu. Hal ini demikian kerana, ia merupakan sebuah cerminan nadi utama yang menentukan setiap akhlak dalam diri seseorang individu. Berdasarkan contoh petikan dialog yang dipetik menerusi filem Melayu klasik berjudul Ibu Mertua-Ku iaitu ketika watak Sabariah menelefon kafeteria tempat Kassim Selamat serta rakan-rakan ahli pancaragamnya berehat. Contoh petikan dialog dari filem Melayu klasik yang berjudul Ibu Mertua-Ku tersebut adalah seperti berikut,

SABARIAH “Bolehkah saya bercakap dengan Encik Kassim Selamat?”
(Transkrip IMK, 2006 : 1275)

Berdasarkan contoh petikan yang dinyatakan di atas jelas menunjukkan kehalusan bahasa yang digunakan dalam dialog yang dimainkan oleh Sabariah menerusi filem Melayu klasik Ibu Mertua-Ku tersebut. Hal ini demikian kerana, penggunaan intonasi yang baik serta penuh sopan santun dan penuh lemah lembut telah dilontarkan oleh Sabariah semasa bercakap melalui telefon dengan Kassim Selamat. Lontaran bahasa yang lemah lembut yang

diungkapkan oleh Sabariah ketika bercakap telefon tanpa berhadapan dengan pendengar tersebut menunjukkan satu penghormatan kepada pendengar kerana telah menggunakan intonasi yang sopan santun dan juga lemah lembut sekaligus mampu melembutkan serta tidak mengguris hati mana-mana individu yang mendengar.

Kepentingan berbahasa dengan menggunakan bahasa halus atau bahasa yang lebih indah didengar mampu mempengaruhi budi serta akhlak seseorang. Hal ini seiring dengan pantun berikut iaitu,

Yang kurik itu kundi,

Yang merah itu saga,

Yang cantik itu budi,

Yang indah itu bahasa.

Apabila bahasa disatukan dengan budi dan akhlak seseorang individu, maka terciptalah suatu pengertian yang jelas iaitu penggunaan bahasa yang baik dalam setiap pertuturan kata yang sempurna serta menyenangkan. Ia juga penuh dengan sifat saling menghormati antara satu sama lain, bersifat sopan santun diiringi dengan kelakuan akhlak yang mulia. Selain dari dapat mengelakkan berlakunya sebarang perselisihan faham serta pertelingkahan disamping mewujudkan suasana yang harmoni. Berdasarkan pendapat daripada Zurakintan dan Che Ibrahim (2015) menjelaskan bahawa masyarakat Melayu amat mementingkan adab dan juga sifat sederhana bahkan menurut mereka lagi ilmu juga merupakan kunci utama dalam membentuk sesebuah akhlak yang terpuji.

Oleh yang demikian, secara keseluruhannya menerusi penerapan bahasa halus dalam penghasilan sesebuah karya filem Melayu klasik ini mampu membentuk kesantunan

masyarakat khususnya masyarakat Melayu dalam aspek bertingkah laku serta berakhlak penuh sopan. Hal ini seiring dengan ciri yang diutarakan oleh Muhammad Haji Salleh menerusi Teori Puitika Sastera Melayu yang telah mula digagaskan olehnya pada tahun 1989 bahawasanya keindahan dalam penceritaan iaitu pengkisahan sesebuah cerita memenuhi plot serta menggunakan struktur bahasa yang baik dalam penghasilan sesebuah karya. Perkara ini dapat dilihat menerusi penggunaan bahasa halus yang meliputi segala mesej atau makna yang ingin disampaikan menerusi permainan dialog yang dilontarkan oleh watak-watak dalam filem tersebut.

4.3.3 Interaksi Masyarakat

Manusia merupakan salah satu makhluk yang memerlukan individu manusia yang lain untuk berinteraksi. Menurut Hubert Bonner (1953) berpendapat bahawa interaksi sosial merupakan suatu hubungan antara dua ataupun lebih individu di dalam sekelompok masyarakat. Manakala, menurut John Lewis Gillin dan John Philip Gillin (1954) berkata bahawa interaksi sosial merujuk kepada hubungan sosial yang berhubung antara sekelompok individu manusia. John Lewis Gillin serta John Philip Gillin juga memberi pandangan bahawa terdapat beberapa jenis interaksi sosial antaranya interaksi antara individu dengan individu iaitu terjadi apabila seseorang individu bertemu dengan seorang individu yang lain akibat dari beberapa faktor. Seterusnya, interaksi antara individu dengan kelompok iaitu terjadi apabila seseorang individu bertemu dengan sesebuah kelompok manusia seperti contoh seorang tenaga pengajar bertemu pelajarinya.

Seterusnya dari sudut ekonomi juga termasuk dalam interaksi antara masyarakat. Hal ini demikian kerana, ekonomi merupakan suatu aktiviti atau sesuatu urusan dalam perdagangan yang merupakan suatu tunjang utama memainkan peranan yang sangat penting dalam mewujudkan interaksi antara sesama individu yang hidup dalam kehidupan bermasyarakat.

4.3.3.1 Sosial

Sosial merupakan sesuatu yang berkaitan dengan perihal atau kelakuan masyarakat. Kata sosial diambil dari bahasa Latin iaitu “*socii*” yang membawa maksud sekutu. Istilah sosial ini berhubung kait dengan kehidupan seseorang individu terutama yang hidup dalam sesebuah kelompok masyarakat. Sosial juga turut dapat dikaitkan dengan norma masyarakat, nilai, serta aturan yang diguna pakai sebagai sebuah acuan dalam berinteraksi sesama manusia dalam sesebuah komuniti. Terdapat beberapa ciri-ciri berlakunya interaksi sosial yang disenaraikan iaitu menurut Charles P.Loomis antara ciri-ciri interaksi sosial tersebut ialah jumlah pelaku bagi sesebuah interaksi sosial haruslah lebih dari seorang individu bahkan lebih. Selain itu, wujudnya komunikasi antara pelaku atau seseorang individu dengan individu yang lain menggunakan simbol-simbol. Komunikasi melibatkan perbualan atau pertuturan atau sebuah penulisan yang bertujuan untuk menyampaikan makna serta mesej antara satu individu kepada individu yang lain serta memproses mesej yang diterima itu.

Antara contoh petikan yang mempunyai kaitan dengan aspek kesantunan interaksi sosial dapat dilihat menerusi filem Melayu klasik yang berjudul Sri Mersing. Menurut Dr Nazariyah Sani (2015) kesantunan lisan merupakan komunikasi dua hala yang berlaku secara langsung ketika dua orang berbual. Contoh petikan tersebut dapat dilihat perbualan antara watak dan juga Awang seperti berikut,

DAMAK “Kalau kau sudi menjual, aku sedia membeli”

(SM, 1961 : Minit 45)

Berdasarkan petikan dialog yang dilontarkan oleh watak Damak kepada Awang Sulong dalam situasi perbahalan antara mereka berdua. Terdapat penggunaan bahasa halus yang diterapkan melalui lontaran dialog tersebut. Ujaran dialog tersebut membawa kepada beberapa interaksi yang terkandung antaranya interaksi jual beli yang sedang berlaku di antara seorang peniaga dengan pembeli. Interaksi ini dapat dilihat ketika menjalankan aktiviti perniagaan. Hal ini demikian kerana, perkataan menjual dan membeli ini merupakan suatu kata-kata umum yang dapat didengar di kawasan-kawasan perniagaan. Aktiviti perniagaan ini terutama dalam kalangan masyarakat Melayu kebiasaannya menggunakan kata “saya jual” yang digunakan oleh peniaga, manakala kata “saya beli” yang kebiasaannya digunakan oleh pembeli.

Namun yang demikian, lontaran bahasa halus dalam dialog yang dinyatakan di atas mempunyai makna tersirat lain yang ingin disampaikan iaitu ingin menggambarkan keberanian serta kesudian daripada seseorang bagi menerima ajakan dan juga hasrat seseorang. Hal ini demikian diujarkan oleh watak Damak kepada Awang Sulong kerana Awang Sulong berasa tidak berpuas hati dengan perbuatan Damak. Beliau menganggap Damak ingin menunjukkan kehebatannya dalam berlawan menentang Sri Mersing. Oleh hal yang demikian, penggunaan kata “menjual” menerusi petikan dialog yang dilontarkan tersebut merujuk kepada ajakan untuk berlawan, manakala kata “membeli” pula merujuk kepada menerima atau menyahut ajakan tersebut. Menurut Saidatul Nornis (2017) berpendapat bahawa salah satu syarat bagi menentukan sifat kelelakian seseorang adalah menerusi aura berani serta bersifat bersedia dalam menyahut sesuatu cabaran apabila dicabar

4.3.3.2 Ekonomi

Ekonomi merupakan suatu aspek perkhidmatan pengagihan barang-barang atau meliputi sistem pengendalian sumber-sumber perindustrian, perdagangan serta kewangan dan lain-lain bagi sesebuah negara. Berdasarkan pandangan Adam Smith (1776) menerusi bukunya yang berjudul *An Inquiry Into The Nature And Causes Of The Wealth Of Nation* menjelaskan bahawa ekonomi merupakan sebuah ilmu mengenai keadaan atau situasi serta sebab munculnya atau wujudnya kekayaan bagi sesebuah negara. Manakala, menurut pendapat sarjana Paul A. Samuelson dalam bukunya yang bertajuk *Economics* (1948) menyatakan bahawa ekonomi merupakan suatu kelakuan masyarakat dalam memilih, menggunakan hasil kewangan bagi memproduksi dari masa ke semasa serta mengedarkan sesuatu penggunaan pada masa kini dan masa hadapan.

Ekonomi juga merupakan salah satu cabang ilmu sains sosial yang berhubung kait dengan interaksi masyarakat. Berdasarkan pandangan daripada Normaz Wana Ismail (2000) menjelaskan bahawa ekonomi mengkaji gelagat manusia dengan menggunakan beberapa faktor pengeluaran bagi memenuhi kehendak manusia yang tidak terbatas. Berdasarkan daripada penghasilan filem Melayu klasik dalam merungkai kesantunan masyarakat dalam menggunakan bahasa halus sebagai pembentukan sesebuah interaksi masyarakat dari aspek ekonomi, terdapat contoh petikan dialog yang diambil di salah satu filem Melayu klasik berjudul *Ali Baba Bujang Lapok* yang berkaitan dengan aspek interaksi masyarakat dari segi sektor ekonomi. Antara contoh petikan yang dipetik adalah seperti berikut,

PENJUAL SAYUR “Assalamualaikum, Cik Siti mahu beli apa?”

MARJINA “Saya mahu beli belacan”

(Transkrip ABBL, 2006 : 1204)


Menerusi nukilan petikan dialog yang diungkapkan antara watak Penjual Sayur serta Marjina melalui filem Ali Baba Bujang Lapok ini jelas menunjukkan kesantunan berbahasa halus dalam dialog yang dimainkan. Antaranya kesantunan yang ditunjukkan oleh penjual dalam menegur sapa pembeli dengan cara memberi salam terlebih dahulu. Ucapan salam datangnya dari bahasa Arab semestinya sudah sehati dalam kalangan masyarakat Melayu. Memberi ucapan kata salam merupakan salah satu cara mengucapkan kata hormat kepada seseorang individu. Pengucapan salam digunakan oleh penutur bagi memulakan sesuatu tutur bicara serta rundingan yang dapat dianggap sebagai satu cara menegur mesra dan menyapa seseorang individu. Hal ini amatlah penting serta perlu ditanam dalam diri terutama individu yang hidup dalam kelompok masyarakat agar sentiasa mengucapkan kata salam atau kata hormat terutama ketika bertemu dengan individu yang lain agar menunjukkan kesantunan dalam diri sekaligus mengeratkan hubungan silaturrahim sesama manusia. Ia juga secara tidak langsung dapat menimbulkan rasa harmoni dalam kehidupan masyarakat.

Oleh hal yang demikian, berdasarkan isi utama analisis mengenai penggunaan bahasa halus dalam interaksi masyarakat terutama dalam aspek ekonomi jelas menunjukkan bahawa sektor ekonomi juga mampu menjadi salah satu faktor penting dalam menyebarkan kesantunan penggunaan bahasa halus sekaligus mampu menzahirkan nilai baik berdasarkan penerapan bahasa halus dalam tutur kata. Hal ini seiring dengan pendapat Muhammad Haji Saleh (1989) berdasarkan gagasan Teori Puitika Sastera Melayu bahawa keindahan dalam memberi mesej pengajaran dalam sesebuah penghasilan karya. Hal ini secara tidak langsung


mampu membuka mata masyarakat bahawa penggunaan bahasa halus dalam penghasilan filem Melayu klasik penting dalam memberi kesedaran di samping menggambarkan keindahan yang tersendiri dalam perbagai aspek.



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN

4.4 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, pada bahagian 4 ini dapat disimpulkan mengenai kajian berkaitan penerapan bahasa halus menerusi filem Melayu klasik terpilih tahun 60-an yang mampu membentuk kesantunan masyarakat Melayu. Menerusi kajian pada bab ini, dapat dilihat bahawa kajian mengenai penerapan bahasa halus ini sememangnya dapat dijadikan kajian analisis dengan menggunakan pengaplikasian Teori Puitika Sastera Melayu yang dilihat berdasarkan beberapa aspek iaitu dari segi takrif dan istilah, genre, dan juga perkataan-perkataan yang indah. Berdasarkan beberapa aspek yang dititik beratkan ini juga jelas menunjukkan bahawa terdapat penggunaan bahasa halus yang indah-indah gaya bahasanya yang diterapkan melalui permainan dialog yang dilontarkan oleh watak-watak dalam filem Melayu klasik.

Menerusi kajian analisis pada bab ini juga secara tidak langsung dapat menjelaskan dengan lebih lanjut bahawa penggunaan bahasa-bahasa halus di dalam dialog-dialog yang dilontarkan tersebut disamping memberi makna atau mesej kiasan, ia juga mampu menunjukkan kepada khalayak akan kesantunan yang diamalkan atau diterapkan dalam diri masyarakat terdahulu khususnya masyarakat Melayu terdahulu yang amat menitik beratkan akan kesantunan dalam diri terutama ketika menurut bicara. Hal ini secara tidak langsung dapat membuka mata khalayak penonton bahawa penggunaan bahasa halus ini akan keindahan mesej tersirat yang disampaikan menerusi tayangan filem Melayu klasik ini disamping meneliti dengan lebih terperinci akan kesantunan bahasa halus yang dapat diterapkan dalam perbualan harian.

BAB 5

PENUTUP

5.1 PENGENALAN

Pada bahagian bab 5 ini adalah merupakan bahagian penutup atau rumusan bagi keseluruhan kajian. Pengkaji akan merumuskan secara keseluruhan mengenai tajuk kajian yang dipilih pengkaji iaitu *Penerapan Bahasa Halus Dalam Filem Melayu Klasik Terpilih Tahun 60 An : Lambang Kesantunan Masyarakat Melayu*. Pada bahagian ini juga, pengkaji akan memperincikan rumusan bagi setiap aspek serta topik-topik yang dikemukakan menerusi aspek keindahan bahasa halus itu sendiri iaitu dari segi takrif dan istilah, genre, dan juga aspek perkataan yang indah-indah. Melalui keseluruhan kajian ini, pengkaji telah mengkaji akan keistimewaan dan keindahan penggunaan bahasa halus dalam dialog-dialog yang dimainkan dalam penghasilan sesebuah filem terutama filem Melayu klasik di samping merungkai makna serta mesej yang ingin disampaikan menerusi penggunaan bahasa halus tersebut dalam membentuk kesantunan masyarakat khususnya masyarakat Melayu. Oleh hal yang demikian, melalui bahagian penutup yang merumuskan mengenai kajian ini, pengkaji turut mengemukakan beberapa cadangan dalam penambahbaikan yang dapat dijadikan sebagai rujukan bagi kajian-kajian yang akan datang.

5.2 PERBINCANGAN

Berdasarkan kepada bahagian perbincangan kajian yang dijalankan ini, pengkaji telah mendapati bahawa penghasilan sesebuah filem terutama filem Melayu klasik sangat menitik beratkan mengenai kepentingan dalam menggunakan serta menerapkan penggunaan bahasa-bahasa yang indah dan halus. Umum mengetahui filem Melayu klasik sarat dengan nilai-nilai pengajaran yang amat mendalam serta bermakna kepada masyarakat Melayu. Oleh hal yang demikian, penggunaan bahasa-bahasa halus dalam filem Melayu klasik sememangnya memberi impak yang penting dalam membentuk kesantunan masyarakat khususnya masyarakat Melayu sama ada masyarakat terdahulu mahupun masyarakat Melayu pada masa kini. Melalui kajian ini juga, pengkaji telah mengaplikasikan Teori Puitika Sastera Melayu yang telah mula diasaskan oleh Muhammad Haji Salleh (1989) bagi menganalisis serta menghurai dengan lebih terperinci sifat keindahan serta makna disebalik mesej yang ingin disampaikan menerusi penggunaan bahasa halus tersebut.

Selain itu, menerusi kajian ini juga pengkaji turut meneliti dengan lebih lanjut mengenai aspek-aspek yang diketengahkan. Antara beberapa aspek keindahan menerusi pengaplikasian teori Puitika Sastera Melayu tersebut adalah dari segi takrif dan istilah iaitu meneliti serta menerang dengan lebih terperinci akan keindahan takrif dan juga makna tersirat dan tersurat yang ingin disampaikan menerusi penggunaan bahasa-bahasa halus yang terkandung dalam dialog-dialog yang dimainkan melalui filem-filem Melayu klasik terpilih tersebut. Di samping merungkai dengan lebih jelas mengenai keindahan kepelbagaian genre yang dimainkan dalam filem Melayu klasik tersebut. Menerusi kepelbagaian genre-genre tersebut tidak menghalang pengarah atau pengarang dalam menggunakan serta menerapkan

akan kehalusan bahasa halus. Hal ini secara tidak langsung dapat membuka mata masyarakat atau khalayak penonton yang menonton filem-filem Melayu klasik tersebut akan kepentingan penggunaan bahasa halus mengikut kepelbagaian penyampaian genre-genre filem tersebut. Selain menitik beratkan mengenai aspek perkataan-perkataan indah yang terkandung dalam ciri-ciri bahasa halus tersebut yang sememangnya terselit keindahan serta makna atau mesej penyampaian yang tersendiri.

Sehubungan dengan itu, menerusi kajian ini juga pengkaji turut mengkaji serta merungkai dengan lebih mendalam mengenai kepentingan atau objektif utama bahasa halus itu sendiri dalam membentuk kesantunan masyarakat khususnya masyarakat Melayu dalam menjalani kehidupan seharian. Hal ini dapat dibuktikan melalui ciri-ciri utama bahasa halus itu sendiri iaitu sebuah laras bahasa atau sebuah sistem bahasa yang penuh adab sopan, serta berbudaya tinggi. Perkara ini secara tidak langsung dapat menjadi cerminan bagi masyarakat Melayu suatu ketika dahulu yang terkenal dengan adab sopan serta penuh beradab yang dapat dijadikan sebagai salah satu contoh kepada masyarakat kini khususnya masyarakat Melayu generasi milenia kini. Umum mengetahui sesebuah penghasilan filem terutama filem Melayu klasik terdahulu amat mementingkan akan kehalusan bahasa yang diterapkan dalam permainan luahan dialog-dialog filem tersebut. Oleh hal yang demikian, melalui keseluruhan kajian ini pengkaji telah memaparkan akan fungsi bahasa halus menerusi dialog-dialog dalam filem Melayu klasik yang telah dipilih tersebut dalam membentuk kesantunan masyarakat.

Sifat-sifat kesantunan yang telah dibincangkan oleh pengkaji menerusi kajian ini meliputi pelbagai aspek. Antara beberapa aspek kesantunan yang diberi perhatian adalah kesantunan dari segi pemikiran masyarakat. Menerusi aspek kesantunan pemikiran masyarakat ini, pengkaji merungkai akan kepentingan penggunaan bahasa halus itu sendiri

dalam menjadi sebuah acuan bagi mewujudkan sebuah pemikiran yang bersifat sopan dan baik serta terhindar dari anasir-anasir negatif dalam diri dan minda masyarakat khususnya masyarakat Melayu generasi kini yang semakin diseliputi dengan unsur-unsur serta pengaruh-pengaruh luar yang lazimnya membawa kepada pengaruh yang tidak baik. Di samping itu, pengkaji juga menyentuh mengenai kepentingan bahasa halus dalam membentuk kesantunan masyarakat dalam bertingkah laku serta berakhlak mulia untuk menjadi seseorang individu yang bertingkah baik untuk hidup dalam sebuah kelompok organisasi kehidupan masyarakat. Pengkaji juga menjelaskan mengenai kepentingan bahasa halus dalam membentuk kesantunan interaksi antara masyarakat yang meliputi aspek sosial dan juga ekonomi bagi sesebuah organisasi sosial.

Oleh itu dengan pendekatan Teori Puitika Sastera Melayu yang telah mula diasaskan oleh Muhammad Haji Salleh ini, kajian ini mendapati bahawa bahasa halus memainkan peranan penting dalam membawa kepelbagaian unsur-unsur keindahan yang terkandung dalam dialog-dialog yang dimainkan menerusi filem-filem Melayu klasik terpilih tersebut. Hal ini secara tidak langsung dapat membuka mata masyarakat selain dapat menarik perhatian masyarakat dalam menonton serta mendalami dengan lebih mendalam akan setiap karya-karya filem terutama filem Melayu klasik ini.

5.3 CADANGAN

pada bahagian cadangan ini, pengkaji akan membawa dengan menjelaskan mengenai beberapa cadangan atau lontaran idea yang dapat dijadikan sebagai sebuah rujukan kepada kajian-kajian lain pada masa akan datang. Hal ini demikian berdasarkan kepada hasil penganalisan analisis kajian yang telah dijalankan tersebut terdapat beberapa cadangan yang akan diketengahkan dan diutarakan kepada beberapa pihak supaya ianya akan menjadi sebagai salah satu faktor dalam memperbanyakkan lagi kajian-kajian penyelidikan yang berkaitan dengan karya-karya sastera terutama berkaitan dengan tajuk kajian ini agar ianya dapat memberi manfaat serta kepentingan sekaligus menjadi salah satu bahan rujukan kepada pelbagai pihak terlibat.

Sehubungan dengan itu, cadangan pertama yang akan diutarakan oleh pengkaji adalah kepada pihak penulis skrip, pengarah, serta produksi penerbitan sesebuah filem. Umum mengetahui, pada zaman metropolitan dengan kehadiran serta perkembangan teknologi yang kian canggih kini terdapat pelbagai genre-genre filem telahpun dihasilkan. Kebanyakan penghasilan filem pada masa kini lebih terpengaruh dengan unsur-unsur luar terutama dari segi penggunaan bahasa yang kedengaran kasar serta lebih menggunakan bahasa rojak. Oleh itu, menurut pengkaji adalah lebih baik sekiranya para penulis skrip, pengarah, serta pihak produksi penerbitan kini untuk lebih menitik beratkan penggunaan laras bahasa yang halus, baik, serta lebih kedengaran sopan seiring dengan pembawaan imej Melayu yang dikenali sebagai satu golongan kaum yang berbudaya tinggi agar penghasilan sesebuah karya filem tersebut lebih berkualiti tinggi, serta dapat dibuktikan lagi akan kehebatan dan keunggulan sesebuah karya tersebut melalui kajian-kajian yang dijalankan


oleh para pengkaji. Hal ini demikian kerana, menerusi kajian ini pengkaji meneliti akan keunggulan para penulis skrip, pengarah, malah pihak produksi penerbitan pada masa dahulu dalam menghasilkan sebuah filem Melayu klasik yang sememangnya menitik beratkan akan kepentingan penerapan bahasa halus dalam dialog yang dimainkan. Perkara ini sekaligus mendorong pengkaji untuk meningkatkan daya intelektual serta ia juga mampu memberi ilmu pengetahuan baharu kepada pengkaji sebagai seorang mahasiswa.

Akhir sekali, pengkaji mengutarakan buah fikiran cadangan kepada pihak institusi pendidikan. Sudah terang lagi bersuluh tidak dapat disangkal lagi bahawa institusi pendidikan merupakan salah sebuah dasar medium bagi menyampaikan sesuatu ilmu pengetahuan kepada khalayak masyarakat terutama generasi-generasi yang bergelar seorang pelajar. Oleh hal yang demikian, pihak institusi pendidikan memainkan peranan penting dalam menjalankan tanggungjawab dengan memartabatkan kepentingan penggunaan bahasa dan kesusasteraan. Perkara ini menarik perhatian pengkaji kerana berdasarkan pemerhatian yang diamati oleh pengkaji, kebanyakan institusi-institusi pendidikan pada masa kini terutama sekolah-sekolah menengah kebangsaan telah mengaplikasikan subjek kesusasteraan dalam subjek-subjek yang telah didaftarkan. Namun demikian, terdapat segelintir pelajar memandang enteng dan mengambil ringan akan subjek kesusasteraan terutama aspek bahasa dek kerana kurangnya pendedahan terhadap bidang kesusasteraan itu sendiri. Permasalahan ini menurut pengkaji akan memberi suatu tanggapan serta pemikiran yang kurang baik terhadap sastera oleh para pelajar tersebut. Sehubungan dengan itu, institusi pendidikan haruslah memainkan peranan penting dalam menambah baik kandungan silibus bagi subjek kesusasteraan dalam menarik minat pelajar terhadap sastera terutama dari segi bidang bahasa serta memberi pendedahan awal kepada pelajar mengenai pengaplikasian


teori-teori agar ia lebih didedahkan dengan baik sekaligus mampu mendorong pelajar untuk lebih mengenali subjek kesusasteraan.



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN

5.4 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, dapat disimpulkan bahawa menerusi penghasilan karya-karya filem Melayu klasik ini sememangnya menerapkan penggunaan nukilan bahasa halus dalam permainan luahan dialog yang dimainkan dalam filem-filem Melayu klasik tersebut. Menerusi kajian ini, jelas membuktikan bahawa bahasa halus tersebut sedikit sebanyak mampu membentuk kesantunan masyarakat masyarakat khususnya masyarakat Melayu terdahulu terutama dalam menutur sesuatu tutur bicara ke arah yang lebih sopan santun serta beradab baik. Unsur-unsur keindahan yang diterapkan dalam bahasa halus juga turut dipaparkan melalui penghasilan filem-filem Melayu klasik ini dalam menukilkan peranannya sebagai gambaran masyarakat terdahulu yang menerapkan nilai keindahan serta kiasan dalam menyampaikan sesuatu perkara dengan bahasa yang halus, baik serta kedengaran baik.

Oleh itu, pengkaji juga mengharap agar kajian yang dijalankan ini sedikit sebanyak mampu membuka mata masyarakat serta pengkaji-pengkaji lain di masa akan datang mengenai gambaran masyarakat khususnya masyarakat Melayu terdahulu dalam menutur bicara dengan menggunakan bahasa halus yang sopan. Selain dari pengaplikasian teori Puitika Sastera Melayu yang mula digagaskan oleh Muhammad Haji Salleh pada tahun 1989 yang memberi satu nafas baharu serta menarik dalam membuat suatu kajian berkaitan keindahan dalam bahasa atau sesuatu karya sastera. Segala penemuan dalam kajian ini telah menjawab kesemua onjektif kajian serta setiap persoalan yang diutarakan. Secara tuntasnya, menerusi perbincangan dan buah fikiran cadangan yang diketengahkan ini secara tidak langsung diharapkan mampu memberi kesan mendalam terhadap pengkaji lain dalam memulakan sesuatu kajian yang berkaitan dengan tajuk telah dipilih.

6.0 RUJUKAN

- A.Hanafiah, A. R. @ W. (2004). Skrip Filem: Seniman Bujang Lapok. In Www.Academia.Edu.
- A.Hanafiah, A. R. @ W. (2006a). Skrip Filem: Ibu Mentuaku. In Www.Academia.Edu.
- A.Hanafiah, A. R. @ W. (2006b). Skrip Filem: Ali Baba Bujang Lapok. In Www.Academia.Edu.
- A.Hanafiah, A. R. T @ W. (2006). Skrip Filem: Antara Dua Darjat. In Www.Academia.Edu.
- A/L Ramiah, S. S. (2015). *Bab Dua Konsep Dan Teori 2.1 Konsep Budaya*.
- Abd Majid, A. S. (2023). *Sclm5133 Puitika Sastera Melayu / PDF*. Scribd.
- Ahmad. (2021). *Interaksi Sosial: Pengertian, Ciri-Ciri, Syarat, Faktor Dan Contoh*. Gramedia.Com.
- Aisyah, N., Taufek, M., & Saimon, A. (2022). Strategi Ketidaksantunan Dalam Filem Seri Mersing. *Strategi Ketidaksantunan Dalam Filem Seri Mersing*, 5(1).
- Aminnudin Saimon. (2021). Lakuan Pertuturan Dalam Filem Nordin Ahmad [Speech Acts In Nordin Ahmad's Selected Movies]. *BITARA International Journal Of Civilizational Studies And Human Sciences (E-ISSN: 2600-9080)*, 4(1), 33–52.
- Anggara Wahyu Fadeli Putra. (2019). *Bab Ii. Tinjauan Pustaka Ii.1. Film Ii.1.1. Pengertian Film* (Pp. 11–28).
- Antashak. (2016). @Antashak: *Konsep Akal Budi Masyarakat Melayu Dari Segi Pemikiran, Pertuturan, Perlakuan Dan Gaya Hidup Masyarakat Melayu*. @Antashak.
- Arina, J., & Indirawati, Z. (2016). (PDF) *Manifestasi Kesantunan Melayu Dalam Ujaran Memberi Dan Meminta Nasihat*. GEMA Online Journal Of Language Studies, 16(2).
- Bahari, K. A. (2015). *Fungsi Muzik Dalam Filem : Filem Ibu Mertuaku / Khairil Anuar Bin Bahari*.
- Binti, A.-F. (2014). *Universiti Putra Malaysia Kritikan Sosial Dalam Filem Mamat Khalid*.
- DAWI, N. F., & ABAS, A. (2020). Kesantunan Berbahasa Dalam Kalangan Pelajar Universiti Malaysia Sabah. *Manu Jurnal Pusat Penataran Ilmu Dan Bahasa (PPIB)*, 31(2), 133.

- Eizah, M. H. (2016). *Simbol Dan Makna Dalam Pantun Melayu Bingkisan Permata / Eizah Mat Hussain*. Studentsrepo.Um.Edu.My.
- FAIRULADILAN, H., Nasirin, A., Norman, Y., & Nur Syahirah Anani, N. A. (2021). Representasi Stilistik Film Hang Tuah (1956). *International Journal Of Creative Future And Heritage (TENIAT)*, 9(1), 1–17.
- Firo HAR. (2012). *Definisi Komunikasi*. Sliide Share.
- Hamid, R. A., & Abdullah, N. F. L. (2018). Akal Budi Dalam Sastra Rakyat Naratif Dan Bukan Naratif (Sastra) (Penerbit USM). In *Google Books*. Penerbit USM.
- Hamidah, A. W., Siti Marina, K., & Remmy, G. (2020). Bentuk Dan Penggunaan Bahasa Halus Dalam Masyarakat Melayu Dan Iban Di Sarawak | Issues In Language Studies. *Publisher.Unimas.My*, 9(1).
- Haris, A., & Amalia, A. (2018). Makna Dan Simbol Dalam Proses Interaksi Sosial (Sebuah Tinjauan Komunikasi). *Jurnal Dakwah Risalah*, 29(1), 16.
- Hashim, M. F. (2013). *Analisis Kesopanan Bahasa Masyarakat Arab Di Dalam Animasi Tanah Liat / Muhammad Faisal Bin Hashim*. Studentsrepo.Um.Edu.My.
- Ismail, H. (2019). Teori Puitika Sastra Melayu: Interpretasi Dan Praktikaliti: Malay Poetic Theory: Interpretation And Practicality. *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu Dan Bahasa (PPIB)*, 29. <https://doi.org/10.51200/Manu.V29i.1867>
- Jia. (2023). *Definisi Dan Konsep Tingkah Laku*.
- Kadir, F. R. A., & Hamzah, Z. A. Z. (2017). Ujaran Implisit Dalam Film Melayu Klasik Sri Mersing. *International Journal Of Language Education And Applied Linguistics*, 6, 13–24.
- Kandasamy, S. (2015). *Filem-Filem Tamil Di Malaysia: Suatu*.
- Madzlan, A. (2016). *Pemikiran Hatta Azad Khan Dalam Teks Drama Muzikal Kampung Baru* (Pp. 15–197).
- Media, K. C. (2021). *Pengertian Ilmu Ekonomi Dari Para Ahli*.
- Mohamad Bakari, A. (2017). *Kesantunan Berbahasa Dalam Drama Zahira*.
- Mohammad Mahdi, A. (2010). Manusia Terpinggir Dalam Film Melayu: Analisis Terhadap Fenomena Rajuk Dan Pujuk : Marginalized Group In Malay Film: An Analysis Of The Phenomenon Of Rajuk And Pujuk. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 12(2), 83–95.

- Muhamad Hazim, H. (2015). *Universiti Putra Malaysia Muhamad Hazim Bin Hussin Fbmk 2015 20 Kata Ganti Nama Dan Ungkapan Santun Dalam Novel Komsas Terpilih*.
- Muhamad Irman. (2019). *Sumbangan Za'ba Terhadap Perkembangan Bahasa Melayu*. Academia.Edu.
- Muhammad Zaid, D., Mohammad Shahrul Nizam, A. W., & Remmy, G. (2018). Penggunaan Eufemisme Dalam Kalangan Penutur Iban. *International Journal Of Language Education And Applied Linguistics*, 8(1).
- Muhd Faisal. (2023). *Definisi Drama / PDF*.
- Nazee Mudeen, N. (2012). *Mesej Dakwah Dan Metode Al-Maw'izah Al-Hasanah Dalam Filem My Name Is Khan Dan Jodhaa Akbar / Nursyazrin Binti Nazee Mudeen*. Studentsrepo.Um.Edu.My.
- Nicho, C. (2023). *Bahasa Halus Dengan Bahasa Kasar / PDF*. Scribd.
- Nor, A., Norita, Z., Al-Fateh, M., Saad, M., Hanilah, N., & Mohd, I. (2021). *Kembalikan Kesantunan (Reboot Politeness)*.
- Norhana, B. (2014). Strategi Kesantunan Berbahasa Masyarakat Adat Perpatih Dalam Kata Perbilang | Jurnal Bahasa. *Jurnal.Dbp.My*, 14(2), 239–271.
- Nurul Atiqah, I. (2018). *Unsur Seksualiti Dan Materialisme Dalam Karya* (Pp. 8–111).
- Online, S. G. (2015). *Ciri-Ciri Keindahan Dalam Teori Puitika Sastera Melayu*. Sistemguruonline.My.
- Othman, D. Y. (2017). Analisis Dialog Dalam Filem Melayu. www.Academia.Edu.
- Othman, S., Md, A., & Lateh, G. (2015). Pemikiran Akal Budi Dan Sosiobudaya Melayu Dalam Pendidikan Kesusasteraan Melayu. *International Journal Of Education And Training (Injet)*, 1(2), 1–10.
- Permaisuri Ahmad Guzali. (2021). *Pemikiran Asmah Hj Omar*. Studocu.
- Ritos, S., & Daud, M. Z. (2020). Strategi Penggantian Disfemisme Kepada Eufemisme Dalam Komunikasi Lisan Masyarakat Bidayah, Bau: Analisis Pragmatik. *Asian People Journal (APJ)*, 3(1), 64–83.
- Rohaida, H. (2004). *Perbicaraan Di Mahkamah Syariah : Suatu Analisis / Rohaidah Binti Haron*. Studentsrepo.Um.Edu.My.

- Saad, Z. (2021). *Penulis Mencorakkan Pemikiran Masyarakat*. Dewan Sastera.
- Sadiq Salihoddin. (2022). *Akhlak: Definisi, Contoh Dan Kepentingan*. Aku Muslim.
- Sazali, M. T. (N.D.). Definisi Tingkah Laku Dan Masalah Disruptif. *Academia.Edu*.
- Sharip Zainal, S., & Zairul Anuar, M. D. (2020). Komposisi Tari Melayu Dalam Filem P. Ramlee Sumpah Orang Minyak (1958): Analisis Terhadap Tarian Tudung Periuk: Analysis Of The Dance Composition In The P. Ramlee's Sumpah Orang Minyak Film (1958) Of Tudung Periuk Dance. *Jurnal Gendang Alam (GA)*, 10(10).
- Siti Norashikin, M. K., & Ernawita, A. (2017). Unsur Eufemisme Dalam Novel Jalan Retak Karya A. Samad Said. *Journal Of Business And Social Development*, 5(1), 88–101.
- Siti Saniah, A. B., & Noor Hatini, Z. (2011). Unsur Eufemisme Dalam Novel Papa Dan Azfa Hanani. *Jurnal Bahasa*, 11(1).
- Sutana, D. (2012). *Eufemisme Sebagai Tindak Komunikasi Yang Beradab Dalam Bahasa Jawa. Madah: Jurnal Bahasa Dan Sastra*, 3(1), 81-90.
- Umi Atikah, M. K. (2017). *Kritikan Sosial Filem Talentime (2009) / Umi Atikah Mohd Kamil*. Studentsrepo.Um.Edu.My.
- Webmaster. (2019). *Karya Sastera Mampu Mencorak Pemikiran Masyarakat*. SEMASA @ KELANTAN.
- Zulkifli, M., Buhari, N., & Hassan, N. A. (2019). Eufemisme Cerminan Nilai Sosiobudaya Masyarakat Malaysia. *Open Journal Systems*, 03(2).